



LAPORAN
TAHUNAN
2012
ANNUAL
REPORT



Pembangunan Modal Insan

Human Capital Development

PELAJAR CEMERLANG



**PROF. DATO'
DR. MOHD
AZHARI YAKUB**

Timbalan Ketua Pegawai
Eksekutif/ Ketua Pakar
Bedah Kardiotorasik
Institut Jantung Negara

**DATUK DR
SHEIKH
MUSZAPHAR
SHUKOR**

Angkasawan
Pertama
Malaysia



TOKOH KORPORAT

**DATO' PADUKA
ISMEE ISMAIL**

Pengarah Urusan
Kumpulan & Ketua
Pegawai Eksekutif TH



**DATO'
SERI ABDUL
WAHID OMAR**

Ketua Pegawai
Eksekutif
Maybank Bhd.

Melahirkan Personaliti Unggul

**TUN DAIM
ZAINUDDIN**
Usahawan MARA



**TAN SRI SYED
MOKHTAR
AL BUKHARI**
Usahawan
MARA



**USAHAWAN
BERJAYA**

Kandungan

- 001 MARA: Melahirkan Personaliti Unggul
- 004 Amanah Rakyat Satu Perjuangan
- 005 Visi, Misi & Objektif
- 006 Kerangka Transformasi Strategik MARA
- 008 Sejarah Transformasi MARA

011 Ringkasan Prestasi & Kedudukan MARA Berakhir 31 Disember 2012

- 012 Ringkasan Prestasi Kewangan
- 014 Tadbir Urus Korporat
- 015 Pusat Pentadbiran MARA
- 016 Memperkasakan Kecemerlangan Insan
- 017 Pengiktirafan Pelajar Institusi Pendidikan MARA

019 Maklumat Korporat

- 020 Majlis MARA
- 022 Perutusan Pengerusi
- 025 Carta Organisasi Korporat
- 026 Profil Ahli Majlis MARA
- 028 Jawatankuasa Audit MARA
- 028 Ringkasan Maklumat Korporat
- 029 Pengurusan MARA
- 029 Profil Ahli Pengurusan
- 033 Laporan Pengurusan

035 Sektor Keusahawanan

- 036 Bahagian Pembangunan Usahawan
- 037 Bahagian Pembangunan Industri & Perniagaan
- 040 Bahagian Pembangunan Infrastruktur Perniagaan
- 042 Bahagian Pembiayaan Perniagaan
- 044 Glocal Link (M) Sdn. Bhd.
- 045 Pusat Pembangunan Reka Bentuk (DDEC)
- 046 Pusat Sumber Teknologi Perabot (FITEC)





047 Sektor Pendidikan

- 048 Bahagian Pendidikan Menengah
- 051 Bahagian Kemahiran & Teknikal
- 056 Bahagian Penganjuran Pelajaran
- 060 Bahagian Teknologi Pendidikan
- 062 Yayasan Pelajaran MARA
- 063 Bahagian Pendidikan Tinggi
- 067 Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
- 070 German-Malaysian Institute (GMI)
- 071 Kolej Poly-Tech MARA (KPTM)
- 073 GIATMARA

075 Sektor Pelaburan

- 076 Bahagian Kawalan Kredit
- 077 Bahagian Industri Pengangkutan
- 079 Bahagian Pelaburan & Pembangunan Subsidiari
- 080 MARA Incorporated Sdn. Bhd.
- 080 Pelaburan MARA Berhad (PMB)

083 Sektor Khidmat Pengurusan

- 084 Bahagian Sumber Manusia
- 087 Bahagian Kewangan
- 089 Bahagian Pengurusan Aset & Perolehan
- 090 Bahagian Teknologi Maklumat
- 091 Bahagian Binaan & Selenggaraan
- 091 Bahagian Pemantauan & Inspektorat

093 Jabatan Ketua Pengarah

- 094 Bahagian Dasar & Perancangan Strategik
- 094 Bahagian Audit Dalam
- 096 Bahagian Undang-undang
- 097 Bahagian Komunikasi Korporat
- 100 Unit Penyelaras
- 101 Unit Urus Setia Majlis
- 102 Unit Penyelidikan & Inovasi
- 103 Unit Integriti

105 Peristiwa Korporat

111 Penyata Kewangan



Amanah Rakyat Satu Perjuangan

...langkah kita mengadakan Kongres Ekonomi Bumiputera ini bolehlah dibandingkan sama dengan langkah Kerajaan Amerika melancarkan angkasawan-angkasawannya ke angkasa lepas. Kerajaan dan kongres ini telah melancarkan angkasawannya ke angkasa lepas ekonomi supaya dapat Bumiputera mengambil bahagian yang lebih sempurna, lebih penting dan akhirnya mendapat kejayaan dan kemakmuran yang kita kehendaki. Kita telah lancarkan bukan GEMINI, bahkan **MARA** ke angkasa lepas dengan penuh harapan bahawa kapal angkasa kita ini dapat membawa kita kesenangan dan kemakmuran.

Allahyarham Tun Hj. Abdul Razak
bin Dato' Hussein
(7 Jun 1965)



**VISI**

Menjadi organisasi amanah yang unggul dan diberkati untuk mengangkat martabat bangsa

MISI


Menerajui bidang keusahawanan, pendidikan dan pelaburan untuk penguasaan ekuiti Bumiputera

OBJEKTIF


- ▶ Membangunkan usahawan berjaya dan inovatif
- ▶ Melahirkan modal insan global dan berintegriti
- ▶ Menyumbang kepada pemilikan ekuiti
- ▶ Memudahkan sistem penyampaian



KERANGKA TRANSFORMASI STRATEGIK MAR 2011-2020



Moto: **Keusahawanan dan Pendidikan Global**
 Nilai Bersama: **Amanah rakyat**




Organisasi Berasaskan Keusahawanan



Sejarah Transformasi MARA







Ringkasan Prestasi & Kedudukan MARA Berakhir 31 Disember 2012

- Ringkasan Prestasi Kewangan ◀
- Tadbir Urus Korporat ◀
- Pusat Pentadbiran MARA ◀
- Memperkasakan Kecemerlangan Insan ◀
- Pengiktirafan Pelajar Institusi Pendidikan MARA ◀




Ringkasan Prestasi Kewangan


Berikut ialah data utama daripada Penyata Pendapatan dan Lembaran Imbangan MARA bagi tahun 2012 berbanding dengan tahun 2011:

- Bajet Mengurus yang diterima dalam tahun 2012 ialah RM3,478.03 juta berbanding dengan RM3,082.52 juta dalam tahun 2011. Peruntukan bagi Program Penganjuran Pelajaran berjumlah RM2,123.28 juta (61%) sementara peruntukan bagi Belanja Operasi berjumlah RM1,354.74 juta (39%).
- Bajet Mengurus Operasi yang dilaporkan dalam Penyata Pendapatan 2012 adalah sebanyak RM1,391.00 juta menunjukkan peningkatan sebanyak 19% berbanding dengan tahun 2011 iaitu sebanyak RM1,165.14 juta.
- Bajet Pembangunan yang diterima dalam tahun 2012 ialah RM1,052.35 juta berbanding dengan RM1,266.58 juta dalam tahun 2011.
- Sumber dalaman MARA (Pendapatan kendalian dan lain-lain pendapatan) berjumlah RM265.69 juta telah bertambah sebanyak RM50.73 juta iaitu 24% berbanding dengan pendapatan sumber dalaman tahun sebelumnya.
- MARA membelanjakan RM2,065.58 juta untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dirancang sepanjang tahun 2012. Keseluruhan perbelanjaan ini telah bertambah sebanyak 28% berbanding dengan perbelanjaan dalam tahun 2011 (RM1,608.89 juta). Perbelanjaan Tunai telah meningkat sebanyak 25% iaitu daripada RM1,582.13 juta dalam tahun 2011 kepada RM1,972.10 juta dalam tahun 2012. Sementara itu perbelanjaan 'bukan tunai' juga meningkat melebihi


Bajet Mengurus Operasi




Bajet Pembangunan



Sumber Dalaman (Pendapatan)



Perbelanjaan




► 2012
► 2011



100% iaitu daripada RM26.75 juta dalam tahun 2011 kepada RM93.47 juta dalam tahun 2012. Ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan peruntukan pinjaman ragu.


- ▶ MARA telah merekodkan lebih pendapatan daripada perbelanjaan sebanyak RM12.90 juta bagi tahun 2012.

Lebih Pendapatan daripada Perbelanjaan




- ▶ Aset Semasa MARA setakat 31 Disember 2012 berjumlah RM3,124.66 juta iaitu peningkatan sebanyak 2% berbanding RM3,070.39 juta setakat 31 Disember 2011.

Aset Semasa




- ▶ Aset Tetap secara keseluruhan meningkat 13% iaitu RM15,244.08 juta setakat 31 Disember 2012 berbanding dengan RM13,537.50 setakat 31 Disember 2011. Komponen Aset Tetap yang menunjukkan peningkatan melebihi 100% ialah Pelaburan Jangka Panjang dan Pinjaman kepada syarikat-syarikat subsidiari (tidak bercagar).

Jumlah Aset Tetap



- ▶ Aset Bersih MARA meningkat sebanyak RM1,129.28 juta (19%) iaitu kepada RM6,947.67 juta setakat 31 Disember 2012 berbanding dengan RM5,818.39 juta setakat 31 Disember 2011.

Aset Bersih



▶ 2012
▶ 2011



Tadbir Urus Korporat

MARA sebagai sebuah organisasi amanah sentiasa peka dan komited dalam memastikan modal insan yang dilahirkan mempunyai personaliti unggul dan mencapai standard keperluan guna tenaga global. Anggota kerja MARA mengamalkan nilai-nilai murni, integriti dan amanah dalam aspek urusan dan operasi. MARA telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan keyakinan dan persepsi masyarakat ke atas keberkesanan MARA dalam melaksanakan amanah rakyat berlandaskan kepada prinsip pembudayaan integriti.

Pusat Pentadbiran MARA

Keseluruhannya pada tahun 2012 MARA mempunyai 536 Pusat Operasi di seluruh negara termasuk lapan (8) pusat yang beroperasi di luar negara. Pusat-pusat operasi tersebut adalah seperti yang berikut:

Program	Bilangan
DALAM NEGARA	
Ibu Pejabat MARA	26
Pejabat MARA Negeri	14
Pejabat MARA Daerah	112
Maktab Rendah Sains MARA (MRSM)	48
Institut/Kolej Kemahiran Tinggi MARA (IKM/KKTM)	23
Kolej MARA (KM)	4
Kolej Profesional MARA (KPM)	6
Kenderaan Bas MARA	19
Institut Latihan Kecemerlangan MARA (ILKM)	1
Pusat Kepimpinan Pelajar	1
Yayasan Pelajaran MARA (YPM)	1
UniKL	13
Kolej Poly-Tech MARA (KPTM)	9
German Malaysia Institute (GMI)	1
Pejabat GIATMARA Negeri	14
Pusat GIATMARA	231
Glocal Link (M) Sdn. Bhd.	1
Pusat Pembangunan Reka Bentuk (DDEC)	1
Pusat Sumber Teknologi Perabot (FITEC)	1
MARA Incorporated (MARA Inc.)	1
Pelaburan MARA Berhad (PMB)	1
JUMLAH PUSAT DALAM NEGARA	528
LUAR NEGARA	
MARA United Kingdom (London)	1
MARA Amerika Syarikat (Washington)	1
MARA Australia (Sydney)	1
MARA Jerman (Frankfurt)	1
MARA Rusia (Moscow)	1
MARA Indonesia (Jakarta)	1
MARA Ireland (Dublin)	1
MARA Mesir (Iskandariah)	1
JUMLAH PUSAT LUAR NEGARA	8
JUMLAH	536

Memperkasakan Kecemerlangan Insan



Pengiktirafan Pelajar Institusi Pendidikan MARA (IPMa)

Bil.	Program	Kejayaan
1.	40th International Exhibition of Inventions of Geneva (IEIG)	2 emas, 3 perak, 1 gangsa
2.	8th International Exhibition for Young Inventor Bangkok, Thailand	2 emas
3.	14th International Robot Olympiad (IRO) Exhibition, Gwangju, South Korea	1 emas, 2 perak, 1 <i>Highly Recommended Award</i>
4.	2012 International Youth Invention Exhibition Far East University, Tainan, Taiwan	2 emas, 1 gangsa
5.	Korea Cyber International Genius Inventor Fair (CIGIF)	2 emas, 1 perak, 1 gangsa
6.	Global Climate International Environment Project Olympia Nairobi, Kenya	1 emas
7.	Infomatrix 2012 Bucharest, Romania	1 emas
8.	International Sustainable World Energy Engineering Environmen Project Olympiad (I-Sweep)	1 perak
9.	International Environmental Project Olympia (INEPO-EUROASIA) Baku, Azerbaijan	1 emas, 1 perak
10.	Robocon 2012 di Stadium Negeri, Terengganu	1 perak
11.	Pertandingan Model Jambatan Antarabangsa Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	2 emas, 3 perak, 2 gangsa
12.	Kejohanan Formula Varsity Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	1 emas, 1 perak, 1 gangsa
13.	Pertandingan IPMARace 2012 Melaka International Motorsport Circuit (MIMC)	2 emas, 2 perak, 1 gangsa
14.	MARA Robotic Competition di Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Balik Pulau, Pulau Pinang	1 emas, 1 perak, 1 gangsa
15.	International Invention, Innovation & Technology Exhibition (i-Tex) 2012, Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur	6 emas
16.	Malaysian University Robot Competition (MURoC) 2012, Kangar, Perlis	1 emas, 1 perak
17.	Invention, Innovation & Design (IID) 2012, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Perak	1 emas
18.	UTP 29th Science & Engineering Design Exhibition (SEDEX) 2012, Universiti Teknologi Petronas (UTP)	1 emas
19.	Pertandingan Pemerkasaan Pantun Nusantara Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam	1 emas (Pemantun Terbaik)
20.	Creative Young Talent 2012 Sempena Perhimpunan Jutaan Belia 2012, Y-Avenue, Presint 4, Putrajaya	Anugerah Creative Young (Young Innovator)



Maklumat Korporat

- Majlis MARA ◀
- Perutusan Pengerusi ◀
- Carta Organisasi Korporat ◀
- Profil Ahli Majlis MARA ◀
- Jawatankuasa Audit MARA ◀
- Ringkasan Maklumat Korporat ◀
- Pengurusan MARA ◀
- Profil Ahli Pengurusan ◀
- Laporan Pengurusan ◀



Majlis MARA

Majlis MARA ialah badan tertinggi dalam struktur organisasi MARA. Ahli Majlis dilantik oleh YB Menteri dengan tempoh keahlian bagi lantikan pertama selama dua tahun. Kombinasi anggota yang mantap daripada golongan profesional sektor awam dan swasta bermatlamat menjamin keutuhan perancangan dan pelaksanaan dasar-dasar MARA ke arah mencapai visi dan misi organisasi.

KEWAJIPAN DAN KUASA-KUASA MAJLIS

Majlis MARA berkewajipan untuk memajukan, menggalakkan, memudahkan dan menjalankan pembangunan ekonomi dan sosial dalam Malaysia khususnya kawasan luar bandar. Bagi mencapai hasrat ini, Majlis diberi kuasa, tertakluk kepada kelulusan Menteri, di bawah Seksyen 6 (1) Akta Majlis Amanah Rakyat 1966, antaranya untuk:

- i. menjalankan segala usaha, khususnya pembangunan perusahaan komersial dan perindustrian yang berfaedah dan bersesuaian termasuk pembuatan, pemasangan, pemprosesan, pembungkusan, peningkatan dan pemasaran produk, penyelidikan dan latihan;
- ii. mempromosikan aktiviti melalui penubuhan atau bantuan kepada individu/badan-badan yang mempunyai kemudahan untuk menjalankan aktiviti tersebut termasuk bantuan kewangan;
- iii. menjalankan aktiviti secara gabungan dengan individu, pihak berkuasa awam, perbadanan, syarikat atau pihak lain sebagai ejen mengurus bagi pihaknya atau sebaliknya;
- iv. membeli, menjamin tanggungan kerugian atau dengan menggunakan cara lain bagi memperoleh saham dan sekuriti kepada mana-mana pihak berkuasa awam, perbadanan, syarikat atau badan lain, dan untuk menjual, memegang atau mengeluarkan semula, dengan atau tanpa jaminan, saham dan sekuriti sedemikian atau sebaliknya melupuskan atau berurusan dengannya; dan
- v. menubuhkan, mengendalikan dan menanggung institusi latihan dan pendidikan serta melakukan semua perkara yang bermanfaat atau secara munasabah, perlu atau berkaitan pelaksanaan fungsi ini.

JADUAL MESYUARAT MAJLIS MARA TAHUN 2012

Bagi merealisasikan kewajipan dan kuasa yang diamanahkan, sepanjang tahun 2012 Majlis MARA telah mengadakan mesyuarat sebanyak 12 kali seperti butiran yang berikut:

Bil. Mesyuarat Majlis	Tarikh Mesyuarat
Ke - 376 (KHAS)	17/01/2012
Ke - 377 (Bil. 01 Tahun 2012)	17/01/2012
Ke - 378 (Bil. 02 Tahun 2012)	23/02/2012
Ke - 379 (Bil. 03 Tahun 2012)	22/03/2012
Ke - 380 (Bil. 04 Tahun 2012)	19/04/2012
Ke - 381 (Bil. 05 Tahun 2012)	17/05/2012
Ke - 382 (Bil. 06 Tahun 2012)	28/06/2012
Ke - 383 (EDARAN)	13/07/2012
Ke - 384 (Bil. 07 Tahun 2012)	09/08/2012
Ke - 385 (Bil. 08 Tahun 2012)	13/09/2012
Ke - 386 (Bil. 09 Tahun 2012)	18/10/2012
Ke - 387 (Bil. 10 Tahun 2012)	13/12/2012



MAJLIS MARA

Pengerusi

Dato' Seri Idris bin Jusoh ¹

Ahli

Dato' Ibrahim bin Muhamad ³

Nik Azman bin Nik Abdul Majid ⁴

Dato' Haji Rahim bin Abu Bakar ⁵

Dato' Haji Muhammad Muhiyuddin
bin Haji Abdullah ⁶

Timbalan Pengerusi

Datuk Ibrahim bin Ahmad ²

Datuk Dr Haji Yusof bin Haji Yacob ⁷

Norol Azali bin Sulaiman ⁸

Czarina Alia binti Abd Razak ⁹

Mohamad Saufi bin Deraman ¹⁰

Datuk Haji Ariss bin Samsuddin ¹¹





Perutusan Pengerusi

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana pada tahun 2012, MARA telah berjaya melaksana segala perancangan yang telah digariskan dan menggerakkan Pelan Strategik MARA bagi tahun kedua. Pelan Strategik MARA (PSM) merupakan pelan jangka panjang bagi tempoh lima tahun dan akan diteruskan lima tahun berikutnya sehingga 2020.

Pada tahun 2012, fokus MARA adalah memacu seluruh sumber yang ada ke arah membangunkan modal insan holistik dan bertaraf global selaras dengan aspirasi kerajaan. Pembangunan modal insan adalah *core business* MARA sama ada melahirkan usahawan mahu pun golongan terpelajar dan berkemahiran. Pelan Strategik MARA telah direncana berdasarkan kepada empat teras transformasi negara iaitu Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Luar Bandar (RTP) dan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10). Strategi dan pelaksanaan program MARA digerakkan seiring dengan halatuju kerajaan supaya modal insan yang dilahirkan dapat memenuhi keperluan gunatenaga negara di samping dapat melahirkan golongan usahawan yang dinamik sebagai pencipta kekayaan untuk Bumiputera.

Pada tahun 2012, fokus MARA adalah memacu seluruh sumber yang ada ke arah membangunkan modal insan holistik dan bertaraf global selaras dengan aspirasi kerajaan. Pembangunan modal insan adalah *core business* MARA sama ada melahirkan usahawan mahu pun golongan terpelajar dan berkemahiran.



MARA juga melihat perlunya program keusahawanan kini bersifat global untuk meningkatkan potensi usahawan Bumiputera. Usaha ini penting supaya mereka mampu menembusi pasaran dunia, mewujudkan jaringan strategik serta meningkatkan inovasi dan kreativiti melalui idea, pengalaman dan pendedahan terhadap trend terkini.

Tiga bidang keutamaan MARA adalah keusahawanan, pendidikan dan pelaburan. Ketiga-tiga bidang ini penting untuk meningkatkan penguasaan ekuiti dan penglibatan Bumiputera dalam bidang keutamaan ekonomi negara masa kini dan seterusnya mencapai matlamat Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

Keusahawanan dan pendidikan MARA digerakkan secara bersepadu dalam usaha membangunkan modal insan. Nilai keusahawanan telah ditanam dalam diri pelajar Institusi Pendidikan MARA (IPMa) di semua peringkat pengajian sama ada akademik, teknikal dan vokasional mahu pun menengah sepanjang di bangku pengajian. Proses pembudayaan keusahawanan diterapkan melalui modul pengajian keusahawanan secara formal dan aktiviti keusahawanan secara praktikal melalui ko-kurikulum. Disinilah keterbezaan sistem pendidikan MARA yang menekankan aspek keusahawanan untuk melahirkan bukan sekadar bakal usahawan dan ahli korporat masa hadapan, tetapi juga pemimpin dan peneraju dalam pelbagai bidang dan industri.

Bagi membangunkan usahawan Bumiputera yang berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing, pendekatan bersepadu (*integrated approach*) pembangunan keusahawanan diperkenalkan meliputi program latihan keusahawanan dan pemasaran, pewujudan peluang perniagaan, penyediaan kemudahan premis perniagaan dan pembiayaan perniagaan serta konsultasi. Program ini sentiasa diperkemas untuk memastikan ia bertepatan dengan persekitaran ekonomi semasa dan memenuhi kehendak usahawan. Ia perlu bersifat dinamik kerana bidang keusahawanan dan perniagaan sentiasa berubah sejajar dengan perubahan teknologi, sosio masyarakat, citarasa pelanggan dan pengaruh global. MARA juga melihat perlunya program keusahawanan kini bersifat global untuk meningkatkan potensi usahawan Bumiputera. Usaha ini penting supaya mereka mampu menembusi pasaran dunia, mewujudkan jaringan strategik serta meningkatkan inovasi dan kreativiti melalui idea, pengalaman dan pendedahan terhadap trend terkini. Fasiliti dan kemudahan keusahawanan MARA sentiasa diberi sentuhan baru untuk memberi impak yang tinggi berteraskan inovasi terkini. Contohnya pada tahun 2012, MARA telah menganjurkan *11th International Entrepreneur Forum* yang fokus kepada bidang keusahawanan. Kita turut memperkenalkan Halal Park untuk menyokong usahawan Bumiputera dalam bidang industri halal serta mengadakan usahasama strategik bersama Halal Development Corporation (HDC) dan Mydin. Jalinan strategik sebegini mampu memberi impak positif dan dapat mempersiapkan usahawan kita meneroka dan menerajui industri halal di dalam dan luar negara.

Sektor pendidikan MARA menjadi teras dalam melahirkan modal insan bertaraf global dan holistik. Pada tahun ini, beberapa program baru telah diperkenalkan untuk memastikan guna tenaga yang dilahirkan adalah selaras dengan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) disamping diselarikan dengan keperluan industri. Antara program baru adalah penumpuan dalam bidang minyak dan gas (*oil and gas*) serta bioteknologi. Kursus di peringkat diploma ini diperkenalkan untuk manfaat kaum Bumiputera bagi menyokong keperluan gunatega dan pembangunan strategik ekonomi setempat. Pada tahun ini juga, satu lagi cawangan UniKL telah dibuka iaitu Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Industrial Technology (UniKL MITEC) yang dijangka dapat menyumbang kepada



kerancangan pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia di Johor. Melalui usaha ini, anak didik MARA sentiasa mempunyai nilai kebolehpasaran tinggi dan IPMa menjadi penyumbang utama kepada gunatenaga terutama sektor kritikal yang telah dikenalpasti oleh kerajaan.

Penambahbaikan program pendidikan MARA sentiasa dilakukan untuk memastikan kemahiran yang diperoleh adalah terkini dan dalam masa yang sama menekankan nilai murni dan berintegriti tinggi. Beberapa jaringan pintar dan kerjasama melibatkan institusi serta industri dalam mahu pun luar negara telah berjaya dilaksana sepanjang tahun ini. Para pelajar IPMa dan tajaan MARA sentiasa didedahkan dengan pelbagai program termasuk ke peringkat antarabangsa melalui latihan, kursus dan pertandingan di peringkat antarabangsa.

Penambahbaikan program pendidikan MARA sentiasa dilakukan untuk memastikan kemahiran yang diperoleh adalah terkini dan dalam masa yang sama menekankan nilai murni dan berintegriti tinggi. Beberapa jaringan pintar dan kerjasama melibatkan institusi serta industri dalam mahu pun luar negara telah berjaya dilaksana sepanjang tahun ini.

Sektor pelaburan MARA telah dipergiatkan untuk menjana pendapatan kepada MARA. Pendapatan ini akan dilaburkan semula untuk memperkasa program keusahawanan dan pendidikan MARA. Pada tahun 2012, usaha penyusunan dan penjenamaan semula beberapa buah subsidiari MARA telah dilaksana supaya ia selari dengan Pelan Transformasi MARA. Subsidiari MARA bukan sekadar berperanan menjana pendapatan tetapi dalam masa yang sama membuka laluan kepada usahawan Bumiputera untuk terlibat dalam pelbagai bidang bernilai tinggi serta industri kritikal yang telah dikenalpasti oleh kerajaan.


Sejajar dengan aspirasi Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri, MARA telah menggandakan program berbentuk *outreach* pendidikan serta pembudayaan keusahawanan terutama di kawasan luar bandar. Melalui GIATMARA, skim latihan berbentuk pembelajaran sepanjang hayat diperkenal bagi memastikan masyarakat luar bandar mampu memiliki kemahiran sekaligus dapat menjana pendapatan sampingan kepada mereka dan keluarga.

Bagi mengukuhkan MARA sebagai organisasi amanah, usaha telah dilakukan untuk meningkatkan keupayaan warga kerja MARA melalui pendidikan mahu pun latihan profesional. Pelbagai program berbentuk kursus jangka pendek dan jangka panjang telah diperkenal seperti. Antaranya *Top Executive Program* (TEP) iaitu pengajian di luar negara, tawaran pengajian dalam negara dan latihan secara in house. Ini adalah untuk memastikan modal insan MARA sentiasa terkehadapan, berilmu, kreatif, inovatif dan efisien untuk meningkatkan sistem penyampaian MARA. Pada tahun 2012 juga, MARA telah mengadakan kerjasama bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menempatkan pegawainya dalam usaha meningkatkan budaya integriti dalam tugas seharian. Usaha ini adalah bertepatan dengan nilai bersama MARA untuk menjunjung Amanah rakyat yang tergalas di atas bahu semua warga kerja MARA.

Dato' Seri Idris bin Jusoh
Pengerusi MARA



Carta Organisasi Korporat



Profil Ahli Majlis MARA



Dato' Seri Idris bin Jusoh¹
Pengerusi
16 Julai 2012 - 18 April 2013

Datuk Ibrahim bin Ahmad²
Timbalan Pengerusi
24 November 2010 - 23 November 2012
24 November 2012 - 23 November 2014

Dato' Ibrahim bin Muhamad³
Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Luar Bandar
dan Wilayah
16 Disember 2010 - 15 Disember 2012
16 Disember 2012 - 15 Disember 2014

Nik Azman bin Nik Abdul Majid⁴
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
11 Januari 2012 - 10 Januari 2014

Dato' Haji Rahim bin Abu Bakar⁵
Pengarah
Bahagian Pengurusan Belanjawan
Kementerian Kewangan (Perbendaharaan)
1 Jun 2011 - 31 Mei 2013



**Dato' Haji Muhammad
Muhiyuddin bin Haji Abdullah** ⁶
16 Julai 2011 - 15 Julai 2013

**Datuk Dr Haji Yusof
bin Haji Yacob** ⁷
23 Julai 2011 - 22 Julai 2013

Norol Azali bin Sulaiman ⁸
15 Mac 2012 - 14 Mac 2014

**Encik Mohamad
Saufi bin Deraman** ⁹
15 Oktober 2010 - 14 Oktober 2012

**Datuk Haji Ariss bin
Samsuddin** ¹⁰
2 Februari 2011 - 1 Februari 2013

**Cik Czarina Alia
binti Abd Razak** ¹¹
1 September 2010 - 31 Ogos 2012

Jawatankuasa Audit MARA (JAM)

Pengerusi

Norol Azali bin Sulaiman
Ahli Majlis MARA

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

Ahli

Dato' Ibrahim
bin Muhamad
Ketua Setiausaha KKLW

Ahli Silihganti

Swaibatul Aslamiah
binti Husain

UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI

Ahli

Nik Azman bin
Nik Abdul Majid
Ahli Majlis MARA/UPE, JPM

Ahli Silihganti

Ismail bin Che Hassan
Luqman bin Ahmad

KEMENTERIAN KEWANGAN

Ahli

Dato' Haji Rahim
bin Abu Bakar
Ahli Majlis MARA

Ahli Silihganti

Baidilleh bin Ghazali

Ringkasan Maklumat Korporat

Pengerusi

Dato' Seri Idris bin Jusoh

Ketua Pengarah

Datuk Ibrahim bin Ahmad

Timbalan Ketua Pengarah Khidmat Pengurusan

Dato' Hanisah binti Omar

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan

Dato' Abd Rahim bin Abd
Ghani

Timbalan Ketua Pengarah Keusahawanan

Datuk Mohd Rosdi bin Ismail

Pengarah Kanan

Bahagian Pendidikan Tinggi

Abd Rahim bin Hashim

Pengarah Kanan Pelaburan

Salmah Hayati binti Ghazali

Setiausaha Majlis

Ruzlan bin Abd Malek

Alamat Berdaftar

Ibu Pejabat MARA
21, Jalan Raja Laut,
50609 Kuala Lumpur
Tel: 03-2613 2000

Juruaudit Dalam

Bahagian Audit Dalam
MARA

Juruaudit Luar

Ketua Audit Negara

Alamat Laman Web

www.mara.gov.my

Pengurusan MARA

MARA ialah agensi terpenting pembangunan Bumiputera di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. MARA diterajui oleh Ketua Pengarah dengan dibantu oleh tiga (3) orang Timbalan Ketua Pengarah yang menerajui Sektor Keusahawanan, Sektor Pendidikan dan Sektor Khidmat Pengurusan serta Pengarah Kanan Pelaburan dan Pengarah Kanan Pendidikan Tinggi.

Ketua Pengarah dengan dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah Kanan bertanggungjawab untuk menyediakan program, skim atau projek bagi pertimbangan Majlis serta mengeluarkan panduan dasar atau penerangan mengenai keputusan-keputusan Majlis kepada pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Majlis dan menyelia serta mengawal pelaksanaan keputusan-keputusan itu.

Pengarah dan Ketua Unit di peringkat Ibu Pejabat pula membantu pelaksanaan dalam operasi dan pentadbiran MARA yang disokong sepenuhnya oleh Pengarah MARA Negeri, Pegawai MARA Daerah termasuk Pengarah dan Pengetua Institusi Pendidikan MARA.

Profil Ahli Pengurusan



**DATUK IBRAHIM
BIN AHMAD**
Ketua Pengarah

**DATO' HANISAH
BINTI OMAR**
Timbalan Ketua Pengarah
Khidmat Pengurusan

**DATO' ABD RAHIM
BIN ABD GHANI**
Timbalan Ketua Pengarah
Pendidikan

**DATUK MOHD ROSDI
BIN ISMAIL**
Timbalan Ketua Pengarah
Keusahawanan



ABD RAHIM BIN HASHIM
Pengarah Kanan
Pendidikan Tinggi

**SALMAH HAYATI
BINTI GHAZALI**
Pengarah Kanan
Pelaburan

AZMI BIN MOHAMAD
Pengarah
Penganjuran Pelajaran

ZANUDIN BIN AB RAHIM
Pengarah
Pembangunan Industri
dan Perniagaan



**MOHD SARONI
BIN KASMANI**
Pengarah
Pendidikan Menengah

YAHYA BIN IBRAHIM
Pengarah
Pembangunan Usahawan

**MOHD FADZIL
BIN GHAZALI**
Pengarah
Kemahiran dan Teknikal

**ABDUL RASHID
BIN MOHD SAID**
Pengarah
Dasar dan Perancangan
Strategik



**DATIN JUNAIDAH
BINTI ABDUL MAJID**
Pengarah
Kewangan

MOHD ZAIN BIN SAAD
Pengarah
Pembangunan
Infrastruktur Perniagaan

**RABIATUL ADAWIYAH
BINTI ISMAIL**
Pengarah
Undang-undang

**ROSNI BINTI
ZAINAL ABIDIN**
Pengarah
Audit Dalam



FUZIAH BINTI AHMAD
Pengarah
Pemantauan dan
Inspektorat

HAMICHAN BIN ZAIN
Pengarah
Kawalan Kredit

RAMLI BIN SUDIN
Pengarah
Industri Pengangkutan

**MEGAT ZAKARIA
BIN MGT AHMAD**
Pengarah
Pengurusan Aset
dan Perolehan



HASNI BINTI SULEIMAN
Pegawai
Komunikasi Korporat

HASSAN BIN MOHD AMIN
Pegawai
Pembiayaan Perniagaan

LATIPAH BINTI AHMAD
Pegawai
Teknologi Pendidikan

MOHD KAMAL BIN ISMAIL
Pegawai
Binaan dan Selenggaraan



AZHAR BIN ABDUL MANAF
Pegawai
Pelaburan dan
Pembangunan Subsidiari

ABDUL HALIM BIN ABAS
Pegawai
Sumber Manusia

DR. NOR AINI BINTI AZIZ
Pegawai
Penyelidikan dan Inovasi

YUSOF BIN IBRAHIM
Pegawai
Teknologi Maklumat

Laporan Pengurusan

Hasil penggemblengan idea dan usaha seluruh warga MARA pada tahun 2012, MARA berjaya mempamerkan prestasi cemerlang. Kolaborasi Sektor Keusahawanan, Sektor Pendidikan dan Sektor Pelaburan yang disokong oleh Sektor Khidmat Pengurusan telah membuahkan hasil yang amat membanggakan. Tahun 2012 merupakan tahun kedua pelaksanaan Program Transformasi MARA (PTM) yang mengambil kira *Government Transformation Program* (GTP) dan *Rural Transformation Program* dalam pelaksanaan program-program MARA. Pada tahun ini juga menyaksikan pencapaian *outcome* menepati KPI yang telah disasarkan melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan.

Sektor Keusahawanan MARA melalui lima (5) inisiatif ke arah melahirkan usahawan korporat, membangunkan teknousahawan, mewujudkan usahawan peruncitan, memperbanyak usahawan pembuatan dan meramaikan kontraktor berwibawa telah menampilkan hasilnya. Seramai 12,389 orang usahawan baharu telah berjaya dibangunkan sepanjang tahun 2012. Bagi memperkukuh ekosistem pembangunan keusahawanan ini, MARA juga turut menyediakan dan mempelbagaikan produk pembiayaan MARA serta program pembangunan infrastruktur perniagaan yang turut dibuat penjenamaan semula. Langkah ini telah berjaya membantu seramai 7,173 orang usahawan melalui pelbagai skim pembiayaan MARA. Bagi memperlengkap kitaran ini, MARA menyediakan kemudahan premis perniagaan berkonsepkan inkubator dalam memahirkan usahawan-usahawan yang baru bertapak untuk menjadi usahawan yang berdaya saing. Penyediaan 483 premis perniagaan kepada usahawan telah memberi kemudahan kepada seramai 6,683 orang usahawan dan turut menjana pendapatan keseluruhan mereka sebanyak RM2.59 bilion.

Bagi memperkukuh ekosistem pembangunan keusahawanan ini, MARA juga turut menyediakan dan mempelbagaikan produk pembiayaan MARA serta program pembangunan infrastruktur perniagaan yang turut dibuat penjenamaan semula.

Pembangunan modal insan yang holistik merupakan asas pembentukan masyarakat yang mampu menjadi aset kepada sebuah negara maju. Sektor Pendidikan MARA memainkan peranan yang signifikan dalam memastikan hal ini menjadi realiti. Melalui sektor ini, MARA telah pun melaksanakan inisiatif pendidikan akademik, teknikal dan vokasional yang dapat meningkatkan bilangan dan kualiti modal insan. Antaranya MARA berusaha untuk menghantar seramai






mungkin pelajar cemerlang ke universiti-universiti terkemuka dunia, menyediakan tenaga kerja global yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi, mewujudkan tenaga kerja yang kompeten, menghasilkan usahawan tekno berpotensi tinggi serta memperbanyak barisan pemimpin masa depan. Pada tahun 2012, melalui program pendidikan menengah MARA, seramai 13,066 orang pelajar telah berjaya menamatkan pendidikan dalam sistem yang berteraskan Sains dan Matematik di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM). Selain itu, bilangan pelajar yang ditaja untuk melanjutkan pengajian ke universiti-universiti terkemuka dunia telah pun mencapai sejumlah 135 orang pelajar sepanjang tahun ini. Melalui inisiatif-inisiatif yang direncanakan melalui sektor ini, MARA juga telah menyumbang sebanyak 15,744 orang guna tenaga separa profesional dan profesional bagi merancakkan aktiviti pembangunan negara. Dalam pada itu juga MARA memantapkan peranannya yang telah pun terkenal dalam membangunkan modal insan dalam bidang teknikal dan vokasional. Hasilnya, program-program teknikal dan vokasional MARA telah menyumbang seramai 36,922 orang modal insan kepada negara untuk sepanjang tahun. Melalui inovasi yang telah dilaksanakan, MARA mewujudkan MRSM Ulul Albab yang menerapkan prinsip *quranik*, *ensiklopedik* dan *ijtihadik*; MARA optimis untuk membantu negara dalam pembentukan modal insan yang holistik, berpengetahuan, berakhlak mulia dan berintegriti tinggi sejak di pendidikan menengah lagi.

► Melalui inovasi yang telah dilaksanakan, MARA mewujudkan MRSM Ulul Albab yang menerapkan prinsip *quranik*, *ensiklopedik* dan *ijtihadik*; MARA optimis untuk membantu negara dalam pembentukan modal insan yang holistik, berpengetahuan, berakhlak mulia dan berintegriti tinggi sejak di pendidikan menengah lagi.

Sebagai pelengkap dalam Kerangka Transformasi Strategik MARA 2011-2012 Sektor Pelaburan MARA juga telah mula menunjukkan hasil yang positif. Ke arah menjadi *Entrepreneur Based Organization*, MARA berusaha membudayakan nilai-nilai keusahawanan dalam pentadbirannya. Oleh itu MARA menyasarkan berlakunya pengurangan dalam kebergantungan subsidiari MARA dengan penjaan pendapatan sendiri yang mampu menyokong objektif, misi dan visi MARA. Dengan menggiatkan usaha dalam sektor ini juga, MARA amat yakin dapat membantu Bumiputera melonjakkan tahap penguasaan ekuiti dari semasa ke semasa. Peningkatan taraf sosioekonomi juga dapat dirancakkan dengan penglibatan secara aktif dan berkesan dalam Sektor Pelaburan. Kesan daripada usaha positif ini, Sektor Pelaburan MARA berjaya mencatatkan keuntungan sebanyak 143% iaitu melebihi sasaran bagi tahun pelaporan 2012. Selain itu, kutipan yang berjaya dibuat oleh sektor ini telah mencapai sebanyak RM692.8 juta. Hal ini menggambarkan kesedaran tahap sosioekonomi masyarakat semakin baik dan kesedaran membayar balik kemudahan MARA adalah tinggi. Sektor ini juga terus memainkan peranan dalam menjadikan tanggungjawab sosial MARA terhadap pembangunan luar bandar terus berlaku. Kesannya sejumlah 6,158,730 orang penumpang di kawasan luar bandar telah pun menerima manfaat hasil perkhidmatan bas henti-henti MARA yang turut ditunjangi oleh Sektor Pelaburan. Hasil kecekapan pengurusan MARA Liner juga telah menunjukkan peningkatan 0.74 peratus penumpang menjadikan bilangan penumpang sebanyak 926,186 orang yang terdiri daripada berbilang bangsa menikmati kemudahan tersebut. Jelaslah, Sektor Pelaburan MARA telah melengkapkan misi MARA untuk menerajui bidang keusahawanan, pendidikan dan pelaburan untuk penguasaan ekuiti Bumiputera.

Segala inisiatif yang dilakukan telah berjaya menjadikan MARA sebagai penyumbang terbesar kepada pembangunan modal insan negara, meningkatkan penguasaan ekuiti dan tahap sosioekonomi Bumiputera.

Datuk Ibrahim bin Ahmad
Ketua Pengarah MARA




Sektor Keusahawanan

- Bahagian Pembangunan Usahawan ◀
- Bahagian Pembangunan Industri & Perniagaan ◀
- Bahagian Pembangunan Infrastruktur Perniagaan ◀
- Bahagian Pembiayaan Perniagaan ◀
- Glocal Link (M) Sdn. Bhd. ◀
- Pusat Pembangunan Reka Bentuk (DDEC) ◀
- Pusat Sumber Teknologi Perabot (FITEC) ◀



Pencapaian Sektor Keusahawanan



BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN (BPU)

Dalam usaha MARA menggerakkan secara aktif aktiviti keusahawanan, BPU melaksanakan pelbagai program agar matlamat utama melahirkan usahawan baru, memperkasakan usahawan sedia ada dan membangunkan enterprise dapat direalisasikan.

Objektif pembangunan usahawan Bumiputera disokong oleh empat (4) program utama bahagian ini iaitu:

i. Latihan Keusahawanan

- ▶ Latihan ini merupakan komponen penting untuk mewujudkan dan menambahkan bilangan usahawan Bumiputera yang berilmu, berdaya maju serta berdaya saing selaras dengan Pelan Strategik MARA untuk melatih, membimbing dan menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam bidang perniagaan dan perindustrian.
- ▶ Seramai 21,844 orang peserta telah berjaya menamatkan Latihan Keusahawanan pada tahun 2012 dengan peningkatan pencapaian sebanyak 110% berbanding dengan tahun 2011.

ii. Teknousahawan

- ▶ Program Sarjana Tekno Keusahawanan (PSTK) dan Program Peningkatan Teknologi Strategik (PPTS) ialah dua komponen utama bagi melonjakkan teknousahawan SME ke tahap yang lebih tinggi dengan kerjasama Rakan Pintar Teknologi dalam dan luar negara.
- ▶ Pada tahun 2012, seramai 81 orang usahawan telah mengikuti PSTK untuk tempoh dua (2) tahun di tiga (3) buah universiti tempatan iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Management and Science University (MSU). Manakala seramai 333 orang usahawan telah mengikuti PPTS dalam bidang teknologi makanan, *green cleaning agent* dan analisa makmal makanan bersama Rakan Pintar Teknologi iaitu SIRIM, MARDI, FRIM dan Biotech Melaka untuk tempoh antara 6 hingga 12 bulan.

iii. Pembangunan Standard Perniagaan

- ▶ Skim ini diwujudkan untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat dalam membangunkan perniagaan dan memenuhi keperluan pemiawaian dan standard.
- ▶ Pada tahun 2012, seramai 101 usahawan telah menerima kemudahan di bawah program ini, 50 usahawan telah mendapat bantuan pemulihan/pembangunan perniagaan dan 51 orang usahawan telah memenuhi pemiawaian & standard.




iv. Pembangunan Pemasaran

- ▶ Pelbagai program Pembangunan Pemasaran telah dilaksanakan untuk usahawan Bumiputera mempromosikan dan meluaskan akses pasaran produk dan perkhidmatan mereka sehingga ke peringkat global.
- ▶ Pada tahun 2012, seramai 2,660 usahawan telah menyertai pelbagai program promosi dan pemasaran anjuran MARA dengan peningkatan pencapaian sebanyak 140% berbanding dengan tahun 2011.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI & PERNIAGAAN (BPIP)

Penciptaan peluang-peluang perniagaan baharu dan mengembangkan industri berpotensi sehingga mencapai ke tahap global adalah tindakan proaktif BPIP dalam usaha berterusan meningkatkan ekuiti Bumiputera di dalam industri terpilih menerusi penyertaan usahawan Bumiputera yang berinovatif dan kreatif untuk berdaya maju.

Selaras dengan Pelan Strategik MARA melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera, BPIP menawarkan beberapa program dan skim kemudahan pembiayaan seperti berikut:



Inkubator Teknologi Perkilangan (INTEP)

Program INTEP bertepatan dengan hasrat kerajaan bagi mewujudkan lebih banyak rantai nilai yang kukuh usahawan Bumiputera di dalam industri perkilangan makanan dan bukan makanan untuk memenuhi permintaan domestik dan akhirnya dapat mengembangkan pasaran produk mereka di luar negara. Pada tahun 2012, sebanyak empat (4) syarikat terpilih dalam pengeluaran produk Sistem Binaan Berindustri (IBS) telah mendapat kemudahan INTEP dengan nilai bantuan pembiayaan berjumlah RM10.47 juta.

Kompleks Industri Makanan MARA (KIMAR)

KIMAR menyediakan premis kilang yang memenuhi piawaian Sijil Halal, *Good Manufacturing Practices* (GMP) dan *Hazard Analysis and Critical Control Point* (HACCP) bagi usahawan Bumiputera (PKS) bersaing pada peringkat global. Pembinaan KIMAR di Kepong dengan ruang binaan dalaman, layout dan saiz serta ruang pengeluaran mengikut



Usahawan KIMAR - AJ Food Industries (atas) dan Ezy Cake juga menerima kemudahan INTEP (bawah)

keperluan pengilang berdasarkan jenis produk & mesin operasi diperlukan (*customize factory*) telah membantu 18 orang usahawan pengilang mengeluarkan produk-produk makanan halal mengikut standard global.

Usaha ini diteruskan lagi dengan memberikan mereka latihan/kursus perniagaan, khidmat nasihat serta konsultansi pengurusan perniagaan. Promosi & pemasaran produk pengeluaran melalui ekspo dan karnival jualan juga telah diberi keutamaan kepada usahawan KIMAR di samping kemudahan pembiayaan perniagaan melalui program Inkubator Teknologi Perkilangan (INTEP).

► **Kemudahan Pengeluaran dan Perintisan (KPP)**

Transformasi usahawan tradisi kepada kaedah pengeluaran moden dan penyertaan bidang/kluster perniagaan baharu serta berpotensi maju dengan mendapat pulangan tinggi apabila dilaksanakan, telah dibantu melalui program KPP. Di samping itu, usahawan perintis yang mempunyai produk baru dan berinovatif tetapi menghadapi banyak halangan dan rintangan untuk mendapatkan pembiayaan daripada pihak bank atau institusi-institusi kewangan tempatan juga dibantu setelah syarikat dapat meyakinkan MARA bahawa produk atau perkhidmatan mereka itu pasti mendapat sambutan meluas oleh pengguna serta berdaya maju. Pada tahun 2012, sebanyak 49 syarikat pengeluaran produk makanan dan bukan makanan telah mendapat kemudahan KPP dengan nilai bantuan pembiayaan sebanyak RM21.06 juta.

► **The Baron (Pembiayaan Ekuiti)**

Bagi memperkasakan usahawan korporat melalui penguasaan ekuiti syarikat, MARA telah mengeluarkan pembiayaan sebanyak RM6.99 juta bagi membantu empat (4) orang usahawan korporat menjadi *major share holder* di syarikat terpilih yang akhirnya aktiviti perniagaan syarikat berkenaan mampu dilonjakkan dan tersenarai di Bursa Malaysia. Usaha-usaha ini akan terus diberi tumpuan dengan lebih hebat pada masa hadapan kerana melalui dasar Kerajaan meningkatkan pegangan ekuiti Bumiputera sekurang-kurangnya sebanyak 30% dapat direalisasikan dengan lebih cepat di samping dapat meramaikan jumlah usahawan korporat Bumiputera yang berkualiti.

► **Program Usahawan Teknikal (PU TEK)**

PU TEK ialah Transformasi Guna Tenaga Pelatih/Pelajar Kemahiran lepasan Institusi Pendidikan MARA (IPMa) menjadi usahawan teknikal yang berjaya. Usaha ini telah menjadi amalan MARA untuk sentiasa mencipta peluang baharu dan membuka ruang kepada anak didiknya sendiri menceburi bidang keusahawanan dan menjamin pendapatan yang lumayan. Pada tahun 2012, seramai 82 orang bekas pelatih/pelajar IPMa telah mendapat kemudahan pembiayaan *conversion* PU TEK dengan keseluruhan peruntukan sebanyak RM4.93 juta.



► **Sistem Binaan Berindustri (IBS)**

Selaras dengan transformasi industri pembinaan negara untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera di dalam industri binaan berskala besar, MARA telah mempergiatkan program pembangunan usahawan IBS. Pendekatan utama program ini adalah melalui;

- Penubuhan Pusat Latihan Bertauliah (PLB) IBS termasuk pengilang produk IBS.
- Penubuhan PLB di IPMa.
- Mengoptimumkan kolaborasi semua agensi dan penggiat industri pembinaan *IBS Compliance* selaras dengan transformasi industri pembinaan.
- *Groom Big* usahawan IBS daripada berskala IKS kepada pengilang komponen IBS berskala industri.

Pada tahun 2012, seramai 6,176 orang pemasang (*installer*) dan kontraktor IBS telah mengikuti kursus IBS Compliance anjuran bersama MARA, Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Kementerian Kerja Raya (KKR) manakala seramai 12 orang syarikat IBS menerima pembiayaan MARA untuk mengembangkan lagi perniagaan.

► **Program Transformasi Peruncitan MARA (PTPM)**

Lima (5) bidang perniagaan iaitu Bengkel Automotif, Kedai Runcit, Restoran, ICT dan Spa diberi bantuan untuk menceriakan outlet perniagaan mereka supaya kelihatan bersih, kemas, moden dan terampil bagi menarik lebih ramai pelanggan. Pada tahun 2012, seramai 38 orang usahawan telah mendapat kemudahan geran dan pembiayaan PTPM dengan jumlah keseluruhannya sebanyak RM2.32 juta.

► **Program Smart Auto**

Bagi meningkatkan keupayaan aktiviti perniagaan usahawan automotif Bumiputera, Smart Auto diperkenalkan melalui transformasi konsep perniagaan konvensional kepada yang berkonsepkan 3S (*Sales, Service & Spare Parts*). Pada tahun 2012, seramai 15 orang usahawan automotif telah mendapat bantuan geran dan pembiayaan melalui kemudahan PTPM.



Program Smart Auto

► **Usahawan Kecil Dinamik (UK Dinamik)**

Program UK Dinamik merupakan kemudahan pembiayaan maksima RM10,000.00 dengan syarat dan peraturan yang mudah kepada usahawan-usahawan kecil. Pada tahun 2012, seramai 7,566 orang usahawan kecil dari seluruh negara telah mendapat kemudahan ini dengan peruntukan sebanyak RM46.54 juta.



Ringkasan pencapaian BPIP adalah seperti berikut:

Bil.	Program	2011	2012
1.	Inkubator Teknologi Perkilangan (INTEP)	15	4
2.	Kemudahan Pengeluaran & Perintisan (KPP)	68	49
3.	Usahawan Kecil Dinamik (UK Dinamik)	383	7,566
4.	Program Usahawan Teknikal (PUTEK)	114	82
5.	Program IBS Compliance (Latihan)	6,071	6,176
6.	*Program IBS Pengilang (Pembiayaan)	-	12
7.	*Program Transformasi Peruncitan MARA (PTPM)	-	38
8.	*Smart Auto	-	15
9.	*The Baron	-	4
JUMLAH		6,651	13,946

* Program bermula pada tahun 2012.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR PERNIAGAAN (BPI)


BPI berperanan sebagai pelengkap kepada usaha MARA untuk mewujudkan dan membangunkan usahawan Bumiputera agar lebih berdaya saing dan kompetitif dalam pelbagai bidang terutamanya peruncitan dan pembuatan melalui penyediaan premis perniagaan di lokasi-lokasi yang strategik. Premis perniagaan MARA juga menjadi inkubator bagi usahawan yang baru menceburi bidang perniagaan.

Setakat 31 Disember 2013, MARA menyediakan 483 premis perniagaan meliputi Lot Komersial, Bazar, Arked dan Kawasan Industri MARA (KIM) di seluruh Negara dengan bilangan 7,373 ruang niaga seperti berikut:

Perkara	2011	2012	Peningkatan (%)
Bilangan Projek	477	483	1.26
Bilangan Lot	7,285	7,373	1.21
Bilangan Disewa	6,455	6,639	2.85

Bagi memastikan premis perniagaan MARA sentiasa berada dalam keadaan baik, selamat dan menarik, kerja-kerja senggaraan dan penambahbaikan dilaksanakan secara berkala dan sistematik.

Dalam usaha untuk menempatkan usahawan Bumiputera di lokasi yang strategik dan berpotensi tinggi, MARA membuat pembelian premis-premis perniagaan siap yang dibina oleh pihak swasta.



Projek Pembangunan Semula (Arked Kayang, Perlis),
Projek Naik Taraf (Arked Rumah Pangsa, Terengganu) dan Projek Pembelian (Lot Pagoh Jaya, Johor)



Seiring dengan peningkatan taraf yang dibuat, premis perniagaan MARA juga turut diberi penjenamaan semula dengan imej logo baru yang mempunyai ciri-ciri unik dan dinamik.



Tiga (3) Kawasan Industri MARA dalam bidang pengeluaran makanan telah dijenamakan semula sebagai Halal Park iaitu Halal Park Pengkalan Chepa, Kelantan, Halal Park Tambun, Perak, dan Halal Park Kuala Perlis, Perlis dengan kerjasama Halal Development Corporation (HDC).



Halal Park Tambun, Perak



Perasmian Halal Park Kuala Perlis, Perlis

Melalui usahasama dengan Mydin, MARA berjaya mewujudkan sebanyak empat (4) buah Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) iaitu KR1M Bidor dan KR1M Pengkalan Hulu Perak di Perak, KR1M Kota Fesyen di Melaka dan KR1M Bera, Pahang. Usahasama ini memberi daya tarikan tersendiri kepada premis perniagaan MARA dan memberi impak positif kepada perniagaan kawasan sekitar.

Bagi memperkukuhkan kompetensi usahawan penyewa MARA serta melahirkan usahawan global dan berdaya saing, program-program pembangunan penyewa seperti kursus, seminar dan lawatan jaringan niaga ke luar negara telah dianjurkan.



KR1M Kota Fesyen, Melaka



Seminar Pembangunan Usahawan Penyewa

Aktiviti-aktiviti ini telah mewujudkan sebanyak 21,255 peluang pekerjaan dan usahawan penyewa juga mampu menjana anggaran pendapatan sebanyak RM2.59 bilion setahun. Aktiviti ini sekaligus membantu menyumbang kepada peningkatan ekonomi dan kekayaan (*wealth creation*) Bumiputera.

BAHAGIAN PEMBIAYAAN PERNIAGAAN (BPN)

MARA menawarkan tiga (3) jenis kemudahan pembiayaan perniagaan berkonsepkan syariah kepada usahawan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian yang terdiri dari Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE), Skim Jaminan Usahawan MARA (SJUM) dan Skim Pembiayaan Peningkatan Perniagaan (SPPP). Kemudahan pembiayaan yang ditawarkan ini adalah pelengkap kepada landskap pembangunan usahawan MARA.

i. Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE)

SPiKE ditawarkan kepada usahawan Bumiputera dalam bidang kontrak dengan mudah dan cepat bagi membantu menambah bilangan kontraktor Bumiputera yang berwibawa. Skim ini terbuka kepada kontraktor dalam bidang binaan kelas F, E, D dan C, bekalan, perkhidmatan dan elektrik. Tempoh kelulusan adalah tiga hari daripada tarikh permohonan lengkap diterima oleh MARA.

ii. Skim Jaminan Usahawan MARA (SJUM)



SJUM merupakan satu kemudahan pembiayaan bagi menjayakan program usahawan Groom Big MARA. Melalui skim ini, MARA bertindak sebagai penjamin ke atas kemudahan pembiayaan yang ditawarkan oleh bank komersil kepada usahawan Bumiputera yang terpilih.

iii. Skim Pembiayaan Peningkatan Perniagaan (SPPP)

SPPP adalah kemudahan pembiayaan bagi membantu usahawan Bumiputera mengembangkan perniagaan sedia ada dalam sektor perdagangan, perkhidmatan dan pembuatan.

Prestasi Kelulusan Pembiayaan

Prestasi kelulusan pembiayaan perniagaan bagi tahun 2012 adalah sebanyak 7,173 melibatkan peruntukan berjumlah RM655,253,230.00 berbanding kelulusan tahun 2011 sebanyak 5,188 melibatkan peruntukan sebanyak RM440,209,230.00 seperti berikut:



Kajian Penilaian Outcome Program SPIKE

Tujuan kajian ialah untuk menilai keberkesanan program pembiayaan SPIKE dengan mendapatkan maklum balas impak program ke atas perniagaan dan kepuasan pelanggan. Kajian ini melibatkan seramai 942 orang penerima kemudahan pembiayaan SPIKE tahun 2012 sebagai sampel (30% daripada jumlah penerima SPIKE tahun 2012) dan 673 orang dikira sebagai responden. Kajian ini telah menerima anugerah Kajian Penilaian *Outcome* terbaik bagi tahun 2012 yang dianjurkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Secara ringkasnya, *outcome* kajian adalah seperti yang berikut:

71%

Pendapatan syarikat meningkat melebihi 25%

69%

Keuntungan syarikat meningkat melebihi 25%

64%

Aset syarikat meningkat melebihi 25%



GLOCAL LINK (M) SDN. BHD.

Glocal Link (M) Sdn Bhd (GLSB) ialah syarikat milik penuh MARA bertindak sebagai ejen pemasaran untuk mempromosikan produk-produk usahawan Bumiputera di pasaran tempatan dan pasaran global.

Platform ini digunakan sepenuhnya oleh GLSB dengan melaksanakan pelbagai aktiviti yang berfokuskan pemasaran produk *Industrialised Building System (IBS)* bagi mempromosikan penggunaan produk IBS di Malaysia. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah Kursus Latihan Kemahiran IBS *Installer* dan Kursus Latihan Keusahawanan Vendor IBS bagi melahirkan kontraktor dan pembekal produk IBS Bumiputera yang berkebolehan. Pada bulan Mei 2012, GLSB telah melancarkan Program Rumah Mampu Milik IBS di MARA *Property Exhibition (MIPEx)* bagi tujuan pengkomersialan produk IBS.



GLSB juga membantu usahawan-usahawan terutamanya dalam sektor makanan dengan membuka peluang untuk memasarkan produk mereka di Halal Fest 2012 anjuran CIMB Bank dan Shapers yang diadakan di PWTC pada September 2012. Pada Februari 2012, GLSB telah meluaskan skop perniagaannya dengan menceburkan diri dalam sektor pelancongan melalui penubuhan Glocal Link Travel & Tours (M) Sdn. Bhd.

GLSB telah melahirkan seramai 1,790 orang kontraktor IBS yang kompeten dan 1,386 orang bakal usahawan IBS hasil daripada kursus-kursus yang dijalankan.





PUSAT PEMBANGUNAN REKA BENTUK SDN. BHD.

DDEC ditubuhkan untuk menyelaraskan aktiviti pembangunan reka bentuk produk dalam pelbagai bidang supaya mempunyai nilai tambah ke arah pengkomersialan produk di pasaran tempatan dan antarabangsa. Selain itu, DDEC membantu usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang kurang berkemampuan dan membangunkan reka bentuk proses, jenama produk, membantu mendapatkan piawaian dan persijilan reka bentuk serta pengkomersialan reka bentuk melalui aktiviti pembangunan jenama, pembangunan identiti korporat, pembangunan kit pemasaran - brosur, flyer, bunting & banner, pembungkusan serta label.

Aktiviti utama DDEC terdiri daripada Latihan, Bengkel Keusahawanan dan Reka Bentuk, Pembangunan Penjenamaan, Pembangunan Produk dan Pembangunan Reka Bentuk - Exhibition Booth Design. DDEC telah melatih 2,450 orang usahawan melalui pelbagai program seperti Seminar Outreach Usahawan dan telah melepasi sasaran 1,000 usahawan yang ditetapkan dalam Pelan Perniagaan DDEC 2012. Pada tahun 2012, DDEC terlibat dalam 48 aktiviti seperti program-program promosi, pameran dan latihan keusahawanan untuk mempromosikan DDEC sebagai hub reka bentuk di Malaysia. Antara aktiviti utama DDEC adalah seperti berikut:

i. Malaysia Design Year (MDY) 2012

MDY 2012 telah dianjurkan pada 20 Januari 2012 di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur. Bertemakan '*Malaysia Design for the World*', objektif penganjuran MDY 2012 adalah untuk mewujudkan kesedaran tentang kepentingan industri reka bentuk bagi memacu ekonomi ke arah status negara maju pada tahun 2020.

ii. DDEC Design Summit (DDS) 2012

Persidangan ini telah diadakan pada 24 - 25 September 2012 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Dengan tema '*Design X'Change*', DDS 2012 bertujuan mempromosikan industri reka bentuk Malaysia di kalangan pereka industri sama ada pereka dari dalam ataupun luar negara. Persidangan reka bentuk ini turut menyaksikan pembentangan kertas kerja oleh pakar reka bentuk antarabangsa dan tempatan iaitu Giorgio Lavelli (Itali), Emanuele De Dominics (Itali), Masayuki Yoshida (Jepun), Nishiyama Kohei (Jepun), Shukor Yahya (Malaysia), Azlan Othman (Malaysia) dan Serina Hijjaz (Malaysia).

iii. Pembangunan Usahawan MARA

Program ini merupakan program bersama Bahagian Pembangunan Usahawan MARA iaitu aktiviti seminar dan reka bentuk logo kepada usahawan-usahawan baru di bawah MARA. DDEC telah membantu seramai 1,200 orang usahawan baru dalam program ini. 24 lokasi program pembangunan usahawan MARA telah dipilih di seluruh negara.





iv. Young Investors Program

Bagi menjana minda kreatif pelajar IPMA, Young Inventors Program telah diadakan bersama pelajar MRSM, IKM dan KKTU di mana pelajar-pelajar perlu mereka cipta produk-produk inovasi yang mempunyai nilai untuk dikomersialkan.



PUSAT SUMBER TEKNOLOGI PERABOT (FITEC)

Penubuhan FITEC adalah hasil dari kajian mengenai industri perabot Bumiputera di Malaysia anjuran Japan International Cooperation Agency (JICA), Technonet Asia, dan MARA. Pusat ini telah ditubuhkan dengan bantuan kepakaran dan kewangan dari United Nations Development Programme (UNDP) dan Kerajaan Malaysia melalui MARA. FITEC merupakan agensi pelaksana dalam meningkatkan pembangunan industri perabot Bumiputera di Malaysia.

Objektif Penubuhan

- i. Mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan usahawan dalam pemindahan teknologi melalui latihan teknikal serta menghasilkan rekabentuk dan penjenamaan produk.
- ii. Menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan kegunaan bahan baru dalam industri perabot seperti komposit, plastik dan metal.
- iii. Menjadi pusat maklumat dan sumber rujukan kepada industri perabot serta memberi khidmat rundingcara.
- iv. Mewujudkan usahawan baru perabot Bumiputera.
- v. Menyediakan pusat jualan perabot dalam negara.
- vi. Mengadakan program dan aktiviti promosi untuk usahawan perabot Bumiputera.

Aktiviti

Sepanjang 2012, FITEC telah menyediakan kursus latihan dan peningkatan kemahiran kepada 487 orang usahawan dan pekerja industri perabot. Kursus ini tertumpu kepada peningkatan skil produk khusus berasaskan kayu termasuk mereka bentuk dan memasang produk siap. FITEC juga memulakan program latihan untuk sembilan (9) usahawan yang terlibat khusus untuk pembuatan dan pemasangan perabot dalam kapal (*marine outfitting*).



Sektor Pendidikan

- Bahagian Pendidikan Menengah ◀
- Bahagian Kemahiran & Teknikal ◀
- Bahagian Penganjuran Pelajaran ◀
- Bahagian Teknologi Pendidikan ◀
- Yayasan Pelajaran MARA ◀
- Bahagian Pendidikan Tinggi ◀
- Universiti Kuala Lumpur (UniKL) ◀
- German-Malaysian Institute (GMI) ◀
- Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) ◀
- GIATMARA ◀



Pencapaian Sektor Pendidikan

O U T C O M E

Excellent
students
for top
universities



Global
oriented
marketable
workforce



Competent
workforce



Potencial
Techno-
preneurs


FUTURE LEADERS

BAHAGIAN PENDIDIKAN MENENGAH (BPM)

- Transformasi pendidikan MARA memberi keutamaan kepada melahirkan bakal-bakal saintis profesional yang bertaraf *Nobel Laureate*, usahawan tekno dan pemimpin dalam pelbagai bidang, serta mempunyai personaliti terpuji iaitu berakhlak mulia, cemerlang, serta berdaya saing pada peringkat global.
- Sehingga akhir tahun 2012, sebanyak 47 buah MRSM sedang beroperasi yang melaksanakan program pendidikan menengah dalam bidang sains dan matematik kepada 38,000 orang pelajar. MRSM paling baharu beroperasi ialah MRSM Parit, Perak dan MRSM Johor Bahru, Johor.




- Sistem Pendidikan MRSM (SPMRSM) berasaskan model *Schoolwide Enrichment Model* (SEM) merupakan inisiatif MARA dalam menyediakan program-program bercorak kepimpinan, mengasah bakat dan pemupukan budaya usahawan. Bagi menambah nilai dalam SPMRSM, program Ulul Albab dan program dwisijil (SPM-IGCSE) diperkenalkan. Program Ulul Albab bertanggungjawab untuk melahirkan insan kamil yang Quranik, Ensiklopedik serta *Ijtihadik* berupaya menjalani kehidupan berlandaskan ajaran Al-Quran, mempunyai ilmu pengetahuan yang meluas dan sentiasa berfikir kreatif. Pada akhir tahun 2012, seramai 36 orang pelajar bergelar al-huffaz apabila berjaya menghafaz 30 juzuk Al Quran dalam tempoh dua (2) tahun pengajian di MRSM.



- Program SPM-IGCSE membuktikan keupayaan sistem pendidikan di MRSM melaksanakan program gabungan kurikulum kebangsaan dan kurikulum *International General Certificate of Secondary Education* (IGCSE). MRSM Tun Abdul Razak, Pekan merupakan pusat rintis program dwisijil ini. Pada tahun 2012, program dwisijil diperluas lagi di MRSM Kota Putra, MRSM Batu Pahat, MRSM Baling, dan MRSM Alor Gajah.

Program	MRSM		
Program Biasa	Beseri Balik Pulau Besut FELDA Trolak Gerik Jeli Kuala Klawang Kuala Berang Kota Kinabalu Betong Parit Johor Bahru	Kuala Krai Kuala Kubu Bharu Kuala Terengganu Lenggong Merbok Mersing Muar Muadzam Shah Kuching Mukah Tumpat	Pasir Salak Pasir Tumboh PDRM Kulim Pendang Pengkalan Hulu Transkrian Terendak Tun Ghazali Shafie Tawau Serting Kubang Pasu
Program Ulul Albab	Gemencheh Kepala Batas		
Program Dwisijil (SPM-IGCSE)	Tun Abdul Razak Batu Pahat Baling	Alor Gajah Kota Putra	
Program Khas Pendidikan	Pengkalan Chepa Tun Ghafar Baba	Kuantan Pontian	Langkawi Taiping

- MRSM terus unggul dalam pencapaian peperiksaan PMR dan SPM. Bagi tahun 2012, Gred Purata Maktab (GPM) PMR ialah 1.1077 manakala GPM SPM ialah 1.9647. Sebanyak 56.4% daripada calon PMR telah mendapat gred A dalam semua mata pelajaran yang diambil. Daripada 7,299 orang calon SPM seramai 1,354 orang (18.55%) telah berjaya mencapai gred A dalam semua mata pelajaran yang diambil.



- BPM terus mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila berjaya menganjurkan pertandingan Debat MRSM-Sekolah-Sekolah ASEAN 2012 dan disertai oleh negara Thailand, Indonesia dan Brunei. Ini merupakan satu inisiatif baharu yang memacukan perkembangan bakat pelajar MRSM pada peringkat antarabangsa. Pertandingan ini telah berlangsung pada bulan Jun 2012 di MRSM Felda Trolak. MRSM Tun Ghafar Baba muncul sebagai johan untuk kategori Debat Bahasa Melayu manakala MRSM Pengkalen Chepa muncul johan untuk kategori Debat Bahasa Inggeris.
- Jalinan kerjasama dengan pelbagai institusi dan organisasi pendidikan dan bukan pendidikan memperkukuh hubungan yang bermakna bagi menjayakan matlamat organisasi. Antara organisasi yang menjalinkan usaha sama adalah seperti yang berikut:




- Keberkesanan sistem pendidikan MRSM telah berjaya melahirkan individu-individu berkaliber seperti pemimpin politik, ahli korporat, usahawan berjaya, doktor pakar dan angkasawan Malaysia yang pertama.
- Pada tahun 2012, pengambilan pelajar baru ke MRSM adalah seramai 14,570 orang pelajar melibatkan 6,859 orang pelajar tingkatan 1 dan 7,711 orang pelajar tingkatan 4.

Perkara	2011	2012
Bil. Pengambilan Pelajar	12,928*	14,570
Bil. MRSM	45	47

* Nota: Bilangan pelajar tahun 2011 adalah selepas pelarasan semula.

BAHAGIAN KEMAHIRAN DAN TEKNIKAL (BKT)

- Seiring dengan perkembangan teknologi dalam abad ke-21 serta keperluan tenaga kerja mahir yang diperlukan oleh negara, pelbagai bidang dan program telah ditawarkan di sepuluh buah kampus Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) dan 13 buah kampus Institut Kemahiran MARA (IKM) di seluruh Malaysia bagi memastikan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) MARA dapat menyumbang kepada keperluan tenaga yang diperlukan oleh negara. Terdapat 48 program peringkat diploma dan 34 program peringkat sijil sepenuh masa yang merangkumi sembilan (9) kluster seperti dalam **rajah 1** di bawah.



Rajah 1: Kluster program-program yang ditawarkan di IKM

- Program-program yang ditawarkan di Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) dan Institut Kemahiran MARA (IKM) adalah sejajar dengan keperluan industri negara serta menyumbang kepada keperluan tenaga kerja yang terkandung di dalam Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA). Sehubungan itu, Bahagian Kemahiran dan Teknikal MARA (BKT) telah mengambil inisiatif dengan membentuk pusat kecemerlangan di KKTM dan IKM yang menonjolkan *niche area* program masing-masing. Program yang dibentuk juga mempunyai '*market driven*' serta berdasarkan keperluan industri semasa.

KKTM

Bidang Jurusan

KKTM Kuantan**Diploma Kejuruteraan Pembuatan**

- Teknologi & Proses
- Automasi Industri & Robotik
- Rekabentuk Pembuatan
- Kualiti & Produktiviti
- Pembuatan Automotif

KKTM BALIK PULAU**Diploma Teknologi Kejuruteraan Mekatronik Industri****Diploma Teknologi**

- Pembuatan
- Pembuatan (Acuan Tekan)
- Pembuatan (Acuan Suntikan Plastik)
- Pembuatan (Rekabentuk Produk)

KKTM SRI GADING**Diploma Teknologi Pembinaan**

- Geo-Struktur
- Sistem Termaju
- Turapan & Jalanraya
- Forensik Bangunan & Penyelenggaraan
- Perkhidmatan Bangunan & Penyelenggaraan

KKTM MASJID TANAH**Diploma Teknologi Kejuruteraan Automotif****Diploma Teknologi**

- Pemprosesan Seramik
- Pemprosesan Plastik
- Pemprosesan Polimer Komposit

KKTM KEMAMAN**Diploma Teknologi Kejuruteraan Logi Proses**


- Perpaipan
- Mekanikal
- Elektrikal
- Struktur Luar Pesisir
- Instrumentasi & Kawalan

MARA-JAPAN INDUSTRIAL INSTITUTE**Diploma Kejuruteraan Elektronik**

- Robotik & Automasi
- Sistem Terbenam
- Mikroelektronik
- Transmisi Data & Rangkaian
- Pengukuran Elektronik & Kawalan



Pembuatan



Pembinaan




Pemprosesan Bahan




Minyak dan Gas



Elektronik



KKTM	Bidang Jurusan
KKTM REMBAU Diploma Filem dan Animasi Digital Diploma Rekabentuk ▶ Media Digital ▶ Perabot ▶ Dalaman ▶ Fesyen	  Seni dan Rekabentuk
KKTM LEDANG Diploma Kejuruteraan Instrumentasi Bioperubatan ▶ Makmal ▶ Terapeutik ▶ Diagnostik ▶ Radiologi & Pengimejan ▶ Teknologi Maklumat Berkomputer	  Bioperubatan

Penawaran program di KKTM dan IKM berdasarkan *Niche Area* yang menyokong NKEA

- ▶ Selain daripada KKTM Kemaman yang menawarkan program-program diploma dalam bidang minyak dan gas, IKM Bintulu telah mula beroperasi pada tahun 2012 dengan pengambilan pelajar kohort pertama (Julai – Disember) yang turut menawarkan pengkhususan dalam bidang minyak dan gas di peringkat sijil Teknologi Kejuruteraan.

KOLABORASI STRATEGIK

- ▶ BKT telah menjalin kerjasama strategik dengan 23 buah industri dan syarikat berbanding hanya sepuluh (10) buah yang telah dimeterai pada tahun lalu. Berteraskan strategi 3-i iaitu *Industrial Linkages*, *Institutional Linkages* dan *International Linkages*, perkongsian pintar ini diperluaskan lagi dengan kolaborasi bersama sepuluh (10) buah institusi pengajian di dalam dan luar negara (Rujuk carta 1 seperti di bawah). Kolaborasi ini mampu menjana kebolehpasaran yang tinggi terhadap graduan KKTM dan IKM selari dengan kehendak industri.



Perkongsian pintar dengan syarikat dan industri



SISTEM JAMINAN KUALITI

- BKT mensyaratkan setiap KKTm dan IKM supaya berusaha mendapatkan persijilan 5S di institusi masing-masing. Usaha tersebut membuahkan hasil di mana sepuluh (10) buah KKTm dan IKM telah berjaya mendapatkan persijilan 5S termasuk BKT.
- Dalam usaha meningkatkan persekitaran organisasi yang berkualiti, BKT dan KKTm Petaling Jaya telah meraih kejayaan diperingkat Wilayah Tengah dengan memenangi tiga bintang (Cemerlang) dalam Konvensyen Innovative & Creative Circle (ICC) dan Quality Environment (QE/5S) bagi dua tahun berturut-turut. Seterusnya BKT berjaya memenangi Anugerah Emas Konvensyen Peringkat Kebangsaan QE/5S 2012 bersama dengan tiga (3) buah pusat yang lain iaitu KKTm Petaling Jaya, KKTm Kuantan dan IKM TSYA.



Konvokesyen Kebangsaan QE/5S 2012

PENGELUARAN TENAGA MAHIR

- Pada tahun 2012, terdapat seramai 7,318 orang pelajar pengambilan baru di IKM dan KKTm berbanding 6,059 orang pelajar pada tahun 2011. Jumlah graduan dihasilkan pada tahun 2012 adalah seramai 5,419 berbanding 4,927 orang pada tahun 2011 dengan peningkatan sebanyak 10% menjadikan keseluruhan 129,084 orang graduan telah dilahirkan sejak program latihan kemahiran MARA diperkenalkan pada tahun 1968. Hasil kajian kebolehpasaran ke atas graduan KKTm dan IKM pada tahun 2012 semasa konvokesyen mendapati lebih daripada 83% graduan telah berjaya mendapat pekerjaan.
- Kurikulum KKTm dan IKM memberi penekanan dalam membangunkan graduan ke arah berpendapatan tinggi dan menjadi usahawan. Kurikulum yang dilaksanakan di kampus KKTm dan IKM telah mendapat pengiktirafan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).



Konvokesyen Perdana KKTm dan IKM pada November 2012



Kejayaan-Kejayaan

40th Exhibition of Invention, Geneva-Palexpo' Switzerland

SCT CAR WINDOW SYSTEM HANGER DRYER (Pingat Perak)
Manap Ab. Razak
SALT-STONE REFLEXOLOGY (Pingat Gangsa)
Muhammad Nizam Saruman



Penganjuran Pertandingan Robot Peringkat MARA (MAROC) Kali Pertama

ROBOCON 2012 PERINGKAT KEBANGSAAN

Ke Arah Keamanan dan Kemakmuran
In Pursuit of Peace and Prosperity

12 - 17 JULAI 2012
8.30 PAGI - 6.00 PTG
STADIUM NEGERI,
TERENGGANU



NAIB JUARA RM 7,000 + Piala Irgan + Sijil Penyertaan

KKTM Balik Pulau "MUSANG KING"





BAHAGIAN PENGANJURAN PELAJARAN (BPP)

- Bahagian Penganjuran Pelajaran (BPP) berperanan sebagai pemacu pembangunan modal insan negara ke arah masyarakat Bumiputera berpendapatan tinggi. Ia menjadi sebuah institusi pembangunan pelajar di dalam dan di luar negara yang menumpukan kepada aspek pembangunan nilai, sahsiah, kepimpinan dan kecemerlangan akademik. Fokus penajaan diutamakan kepada bidang-bidang keberhasilan pendapatan tinggi khususnya 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) iaitu Minyak, Gas & Tenaga, Minyak Sawit, Perkhidmatan Kewangan, Pelancongan, Perkhidmatan Perniagaan, Elektrik & Elektronik, Pemborongan & Peruncitan, Pendidikan, Penjagaan Kesihatan, Komunikasi & Infrastruktur, Pertanian dan Greater Kuala Lumpur.
- BPP berperanan meningkatkan bilangan graduan yang berlandaskan keberhasilan (*outcome-based sponsorship*) di peringkat Doktor Falsafah, Profesional dan Meister/Pakar.
- Pada tahun 2012, MARA telah menaja seramai 73,221 orang pelajar di dalam dan luar negara berbanding 74,040 orang pelajar pada tahun 2011.




LOKASI PELAJAR TAJAAN MARA

Malaysia	New Zealand	Jordan	Rep Czech
Indonesia	Australia	Mesir	Rusia
United Kingdom	China	India	Perancis
Jerman	Sepanyol	Ireland	Kanada
Amerika Syarikat	Poland	Korea	Jepun



Laluan pendidikan pelajar tajaan MARA:



► PROGRAM PENAJAAN

Program Penajaan Ke Luar Negara


- Program ini disediakan khusus untuk pelajar-pelajar yang mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM untuk melanjutkan pengajian ke luar negara.
- Penajaan meliputi pengajian di peringkat ijazah, pasca-ijazah dan meister/pakar

Program Penajaan Dalam Negara

- Pinjaman ini disediakan untuk pelajar yang berkecukupan bagi melanjutkan pengajian di Institusi Pendidikan MARA (IPMa) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang berdaftar.
- Pelajar ditaja di peringkat diploma, ijazah dan pasca-siswazah.

Prestasi Penganjuran Pelajaran MARA Mengikut Peringkat Pengajian

- Diploma
- Ijazah
- PhD
- Program Khas
- Profesional
- Sarjana





► AKTIVITI PEMBANGUNAN PELAJAR

BPP telah melaksanakan program pembangunan pelajar dalam dan luar negara.

Objektif program pembangunan pelajar ialah untuk:


- Menjalin dan memperkukuhkan hubungan dengan pelajar tajaan MARA.
- Memperkukuhkan jati diri para pelajar tajaan MARA ke arah melahirkan modal insan yang cemerlang.
- Mengenalpasti dan menggilap ciri-ciri kepimpinan para pelajar melalui penerapan nilai teras seperti amanah, daya kepimpinan, integriti, bersyukur dan sifat keusahawanan.
- Membuka minda pelajar kepada inisiatif MARA dan kerajaan dalam membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara maju.

Di antara program yang telah dijalankan adalah:

- Program *Education Pathway* di MRSM
- Program *Engagement* di IPMa
- Program *Outreach* Bandar dan Luar Bandar
- Program *Engagement* pelajar dalam dan luar negara
- Program *Global Excellence Leadership* (GEL)

MARA telah mensasarkan seramai 20,000 orang pelajar terlibat dalam program pembangunan pelajar tahun 2012.

Bil.	Nama Program	Bil. Pelajar
1.	Program <i>Education Pathway</i> di MRSM dan <i>Engagement</i> di IPMa	7,850
2.	Program <i>Outreach</i> Bandar dan Luar Bandar	9,200
3.	Program <i>Engagement</i> pelajar dalam dan luar negara	7,780
4.	Program <i>Global Excellence Leadership</i> (GEL)	120
JUMLAH		24,950





Dalam usaha untuk menambah baik perkhidmatan, BPP telah membuka Kaunter Khidmat Pelanggan di Tingkat 2 Medan MARA pada 26 September 2012.



Kaunter Khidmat Pelanggan BPP


BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN (BTP)

Tahun 2012 adalah tahun pembaharuan peranan bagi bahagian ini apabila dijenamakan kepada Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) yang asalnya dikenali sebagai Bahagian Pembangunan Sumber (BPS). BTP bertanggungjawab dalam pembudayaan penggunaan teknologi pendidikan di Institusi Pendidikan MARA (IPMa) selain menyediakan perkhidmatan audio visual dan grafik, pusat sumber ilmu serta penghasilan bahan pengajaran dan pembelajaran (P&P) multimedia.

Dalam memperkasakan pembudayaan penggunaan teknologi pendidikan, BTP telah melaksanakan projek usahasama dengan pihak MIMOS Berhad (MIMOS) dan Telekom Malaysia Berhad (TM) bagi mengatasi masalah *connectivity*, infrastruktur ICT dan menyediakan platform perkongsian maklumat untuk IPMa. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan keberkesanan pembelajaran agar pelajar lebih bersedia dengan arus perubahan teknologi, alam pekerjaan dan menjadi lebih kompetitif.

Hasil usahasama ini, satu prototaip Projek *Intelligent Virtual Learning System* (iVLS) telah dibangunkan dan diuji di tiga (3) buah Maktab Rendah Sains MARA (MRSM). Projek ini akan diperluaskan kepada IPMa lain pada masa akan datang.

MARA iVLS Eco-System



Bahagian ini telah menghasilkan sejumlah 745 bahan P&P multimedia termasuk perisian pembangunan bahan P&P dan bahan audio visual. Bahan-bahan ini telah dapat diedarkan kepada para tenaga pengajar dan pelajar di semua IPMa. Di samping itu, seramai 113 tenaga pengajar IPMa telah dilatih dengan kemahiran menghasilkan bahan P&P multimedia terkini.

Perkhidmatan kreatif yang terdiri daripada reka bentuk grafik, penerbitan dan audio visual telah membantu dalam meningkatkan imej korporat organisasi di peringkat dalam dan luar negara di samping mempromosikan program-program rasmi MARA. Antara program-program rasmi yang disokong seperti majlis pelancaran *Rural Transformation Centre* (RTC), Karnival Pendidikan MARA seMalaysia, *MRSM ASEAN School Debate Competition*, *MARA-OISCA International Business Forum*, *Asia Pacific Estatic SPA Wellness Business Conference and Exhibition*, Hari Pendidik 2012, *MARA IBS and Property Exhibition*, Perlumbaan Kereta Konsep Institusi Pendidikan MARA (IPMarace) 2012, Karnival Halal Park dan Kimfest.

Perpustakaan MARA sebagai pusat prasarana ilmu dan maklumat bertanggungjawab menyebarkan sumber maklumat dengan menyediakan perkhidmatan dan kemudahan seperti peminjaman bahan rujukan, pangkalan data eBuku dan jurnal kepada warga MARA dalam menyokong usaha membangunkan modal insan berpengetahuan. Penggunaan perkhidmatan pangkalan data eBuku dan jurnal telah meningkat sebanyak 154% pada tahun 2012 berbanding daripada tahun sebelumnya. Dalam mengoptimasikan penggunaan Perpustakaan MARA, sebanyak empat (4) latihan yang dijalankan di Institut Latihan Kecemerlangan MARA (ILKM) dan pusat-pusat IPMa bagi meningkatkan tahap kecekapan pegawai di perpustakaan IPMa. Di samping itu juga, pelbagai program promosi telah dijalankan seperti Program Wacana Semasa, Program Apresiasi Puisi, Program Penggunaan Pangkalan Data eBuku dan Jurnal dan Program Resensi Buku.



Satu lagi pencapaian BTP ialah pembangunan portal laluan kerjaya. Portal ini mengetengahkan maklumat laluan kerjaya bidang-bidang kritikal dan berpendapatan tinggi seperti kejuruteraan, guaman, arkitek, akauntan dan kedoktoran. Para pengunjung portal akan mendapat pelbagai maklumat berkaitan kerjaya yang ingin diceburi. Sejumlah 116,557 pengunjung portal sepanjang 2012 yang terdiri daripada pengunjung tempatan dan luar negara telah mendapat manfaat.

Laluan Kerjaya

Maklumat Pendidikan & Kerjaya Setempat.

[HOME](#)
[DIREKTORI "](#)
[BADAN BERKAITAN "](#)
[KERJAYA PILIHAN "](#)
[PINJAMAN / BIASISWA](#)

MAJLIS
PENYAMPAIAN SIJIL SEMENTARA
& LAFAZ IKRAR GRADUAN
MBBS 2012
UNIVERSITI KUALA LUMPUR
ROYAL COLLEGE OF MEDICINE PERAK

KIN...
T HOTEL & SUITES, IPOH
ULAI 2012

UNIKL RCMP
UniKL RCMP adalah Institusi Pendidikan Tinggi MARA yang menawarkan kursus-kursus Sains Kesihatan merangkumi MBBS, Radiografi, Kejururawatan, Fisioterapi dan Farmasi.

PERANG PILIH KERJAYA

Popular Tags Blog Archives

PENGUNJUNG.

116577

KARNIVAL PENDIDIKAN MARA

Bulan Mac 2013

Kuala Lumpur
16-17 Mac 2013
(Sabtu & Ahad)
Dewan Merdeka & Dewan Tun Razak 4, PWTC

Pahang
23-24 Mac 2013
(Sabtu & Ahad)
Pusat Konvensyen Antarabangsa Sultan Ahmad Shah
Kuantan, Pahang

Johor
30-31 Mac 2013
(Rabu & Ahad)

Subscribe

Follow Us!

Sertai Kami

DAH DAFTAR?

ANSARA

Ujian Personaliti

YAYASAN PELAJARAN MARA (YPM)

- YPM melaksanakan program transformasi kepada pelajar Bumiputera yang berasal daripada keluarga miskin dan berpendapatan rendah dalam mendapatkan pelajaran yang berkualiti.
- Program yang dijalankan oleh YPM adalah berfokuskan pendidikan global, pembangunan dana dan pembangunan modal insan.
- YPM juga adalah agensi pelaksana projek Dana Pinjaman Pendidikan Tinggi (HELP) iaitu kolaborasi antara kerajaan Malaysia dan Jepun. Sehingga April 2012, projek HELP telah berjaya melahirkan seramai 917 orang graduan yang sedang berkhidmat sebagai tenaga profesional dalam pelbagai bidang.
- Program-program YPM adalah seperti yang berikut:



PEMBIAYAAN DAN BANTUAN Pembiayaan Pendidikan Tertiar Bantuan Persekolahan Skim Anak Angkat	Program Peluang Kedua Program Pelajar Terdesak Program Bantuan Persekolahan Pelajar Miskin Program Bantuan Khas Bencana Alam Pelajar Miskin Skim Keluarga Angkat YPM Program Membela Pelajar Miskin
PROGRAM Transformasi Kecemerlangan Pelajar	Program Transformasi Pelajar Program Kelas Bimbingan Tuisyen Program Pra Pecutan & Keibubapaan Program Pembangunan Kerjaya

- Diantara aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2012 adalah seperti berikut:





BAHAGIAN PENDIDIKAN TINGGI (BPT)

- ▶ MARA menyediakan peluang melanjutkan pengajian pada peringkat universiti sama ada di dalam negara mahupun di luar negara serta program prauniversiti yang menepati kehendak pasaran terkini untuk melahirkan modal insan yang cemerlang dan global.
- ▶ Program pendidikan tinggi MARA ditawarkan melalui Institusi Pendidikan MARA (IPMa) iaitu Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Kolej Poly-Tech MARA (KPTM), German-Malaysian Institute (GMI), Kolej Profesional MARA (KPM) dan Kolej MARA (KM).

Perkara	2011	2012	Peningkatan (%)
Bil. Pengambilan Pelajar IPMa	17,674	18,379	3.99
Bil. Pengambilan Pelajar Prauniversiti	2,300	2,310	0.43






- Pembangunan modal insan yang menjadi fokus BPT turut disokong oleh program pendidikan separa profesional yang ditawarkan oleh Kolej Profesional MARA melalui 14 jenis program dalam enam (6) kluster seperti yang berikut:



PRESTASI ENROLMEN, PENGAMBILAN, PELAJAR YANG BERGRADUAT DAN PENCAPAIAN CGPA 3.5 KE ATAS BAGI KM DAN KPM


Sasaran & Pencapaian Enrolmen Pelajar 2012




Sasaran & Pengambilan 2012



Prestasi Graduan 2012




Pencapaian CGPA 3.5 ke Atas



Prestasi Program International Baccalaureate (IB)

Pencapaian membanggakan 477 orang pelajar dalam Peperiksaan International Baccalaureate (IB) sesi 2010/2012 membolehkan mereka memperoleh Diploma IB. KM Banting dan KM Seremban terus cemerlang apabila mendapat 37.68 purata jumlah mata pada sesi ini mengatasi purata jumlah mata peringkat dunia iaitu 29.83. Semua subjek yang diambil oleh pelajar berjaya mengatasi gred purata dunia bagi setiap subjek.


Perbandingan pencapaian pelajar dalam peperiksaan IB di tahun 2011 dan 2012 adalah seperti yang berikut:



Pencapaian Pelajar Dalam Peperiksaan IB 2012 Berbanding 2011

▶ 2012
▶ 2011

Carta perbandingan bilangan pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian ke luar negara mengikut pencapaian mata dalam peperiksaan IB pada 2012 berbanding dengan tahun 2011:




Prestasi Program A-Level


Kesemua 156 pelajar program A-Level di KM Seremban telah berjaya dan lulus dalam peperiksaan A-Level pada tahun 2012. Seramai 64 orang (41.03%) berjaya mencapai kecemerlangan 15 mata atau 3A iaitu A dalam semua subjek yang diambil.

Peratus pelajar yang mendapat 13 mata ke atas iaitu syarat tajaan MARA untuk dihantar melanjutkan pelajaran ke luar negara meningkat daripada 69.37% kepada 76.28%. Dua (2) orang pelajar telah berjaya mendapat 3A* (amat cemerlang) dan 11 orang pelajar mendapat 2A* dan 1A dalam peperiksaan tersebut. Seorang pelajar dari kumpulan ini telah berjaya mendapat *Outstanding Achievements at the Cambridge Learner Awards* iaitu *Top in the World for Mathematics*.

Keputusan peperiksaan bagi tahun 2012 berbanding dengan tahun 2011 seperti yang berikut:



Carta perbandingan bilangan pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian ke luar negara mengikut pencapaian mata dalam peperiksaan A-Level tahun 2012 berbanding dengan tahun 2011:



UNIVERSITI KUALA LUMPUR (UNIKL)

UniKL sebagai universiti teknikal pertama di Malaysia optimis untuk menjadi universiti terkemuka dalam bidang teknologi kejuruteraan dan kemahiran keusahawanan. UniKL menawarkan pelbagai jenis program diperingkat asasi, diploma, sarjana dan pascaijazah dalam 11 bidang pengkhususan seperti berikut:

- ▶ Teknologi Elektrik, Elektronik dan Telekomunikasi
- ▶ Teknologi Robotik, Automasi dan Mekatronik
- ▶ Teknologi Pembinaan Mesin, Pembuatan Logam dan Kimpalan
- ▶ Teknologi Automotif, Pesawat, Perkapalan dan Penyelenggaraan Industri
- ▶ Teknologi Rekabentuk Produk, Acuan & Perkakasan dan Ketetapan Pembuatan
- ▶ Teknologi Kimia, Bioproses, Persekitaran, Pemakanan dan Polimer
- ▶ Pengurusan Kejuruteraan Perniagaan, E-Dagang dan Kewangan Islam
- ▶ Jaringan Komputer, Kejuruteraan Perisian, Multimedia dan Animasi
- ▶ Perubatan dan Sains Kesihatan Bersekutu
- ▶ Perindustrian Instrumen dan Kejuruteraan Kawalan
- ▶ Teknologi Sains Perubatan



Program-program ini ditawarkan melalui cawangan UniKL di seluruh negara seperti berikut:

- i. UniKL British Malaysian Institute (UniKL BMI), Gombak, Selangor
- ii. UniKL Malaysia France Institute (UniKL MFI), Bangi, Selangor
- iii. UniKL Malaysian Institute of Aviation Technology (UniKL MIAT), Sepang, Selangor
- iv. UniKL Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI), Kulim, Kedah
- v. UniKL Institute of Product Design and Manufacturing (UniKL IPROM), Cheras, Kuala Lumpur.
- vi. UniKL Malaysian Institute of Chemical and Bioengineering Technology (UniKL MICET), Alor Gajah, Melaka.
- vii. UniKL Malaysian Institute of Marine Engineering Technology (UniKL MIMET), Lumut, Perak
- viii. UniKL Royal College of Medicine Perak (UniKL RCMP), Ipoh, Perak
- ix. UniKL Institute of Medical Science Technology (UniKL MESTECH), Kajang, Selangor
- x. UniKL Malaysian Institute of Industrial Technology (UniKL MITEC), Bandar Seri Alam, Johor
- xi. UniKL City Campus, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur;
 - a. UniKL Business School
 - b. Institute of Research and Postgraduate Studies (IRPS)
 - c. UniKL Malaysian Institute of Information Technology (UniKL MIIT)



RINGKASAN AKTIVITI

11th International Entrepreneurship Forum (11th IEF)

Forum ini telah berlangsung pada 4-5 September 2012 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Forum yang dianjurkan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) dengan kerjasama pengasas IEF, Essex Business School, University of Essex, UK dan UniKL Business School bertemakan *Entrepreneurship and Sustainability: From Lifestyles to Innovative Enterprises in Creative and Sustainable Environment*.



Perasmian Kampus Baru UniKL MITEC

Kampus baru UniKL MITEC di Bandar Seri Alam, Johor Bahru telah dirasmikan oleh YB. Dato' Seri Mohd Shafie bin Haji Apdal, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang juga merupakan Pro-Canselor UniKL pada 21 Jun 2012.



Majlis Konvokesyen Ke-9 UNIKL

Majlis Konvokesyen Ke-9 UniKL telah berlangsung dengan gemilangnya pada 6-7 Oktober 2012 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Seramai 4,188 orang graduan telah diraikan dan majlis konvokesyen kali ini juga mencatat sejarah buat UniKL apabila pertama kalinya melahirkan dua (2) orang graduan PhD, lima (5) orang graduan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan 109 orang graduan perubatan (MBBS) dari UniKL RCMP.



PENCAPAIAN UNIKL DALAM TAHUN 2012

Anugerah Syarikat Terbaik KKLW

UniKL telah dipilih sebagai “Syarikat Terbaik 2010” di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) sebagai pengiktirafan terhadap peranan dan kecemerlangan dalam menyediakan pendidikan dalam bidang teknologi kejuruteraan.

UniKL Rangkul Emas

UniKL MFI telah memenangi tiga (3) pingat di “3rd International Engineering Invention & Innovation Exhibition 2012” (i-ENVEX 2012) yang berlangsung di Kangar, Perlis. UniKL MFI membawa pulang satu (1) pingat emas dalam kategori Proses Pembuatan, Mesin dan Peralatan dan dua (2) pingat perak dalam kategori Pertanian, Alam Sekitar dan Pembaharuan Tenaga serta kategori Bangunan, Pembinaan dan Bahan.

UniKL terus menempa kejayaan apabila memenangi satu (1) pingat emas dan empat (4) pingat perak dalam pertandingan 23rd International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX 2012).



UniKL turut memenangi lapan (8) anugerah di Novel Research & Innovation Competition (NRIC) yang diadakan di Universiti Sains Malaysia (USM) pada 17-19 Julai 2012.





GERMAN-MALAYSIAN INSTITUTE (GMI)

German-Malaysian Institute (GMI) merupakan institusi pendidikan hasil kerjasama antara kerajaan Malaysia dan kerajaan Jerman. Objektif utama GMI adalah menyediakan tenaga mahir dalam bidang Teknologi Pengeluaran dan Industri Elektronik menerusi sistem pendidikan teknikal dan latihan vokasional yang menjadi tunggak kekuatan industri negara Jerman. Konsep pembelajaran di GMI adalah berdasarkan falsafah dan konsep pembelajaran “*Student Centered Learning*”, *Problem and Based Learning* dan “*Project Based Learning*”.

GMI menawarkan program Diploma dalam sembilan (9) bidang pengkhususan seperti berikut:

- Mechatronics
- Process Instrumentation and Control
- Electronics and Information Technology
- Network Security
- Tool and Die Technology
- Mould Technology
- Product Design and Manufacturing
- CNC Precision Technology
- Prauniversiti – German A-Level Preparatory Program (GAPP)

Dalam tahun 2012 GMI mempunyai 2,272 pelajar peringkat Diploma dan 163 pelajar program GAPP. Sehingga kini, GMI telah melahirkan seramai 4,530 graduan dan 450 pelajar berjaya melanjutkan pengajian di University of Applied Sciences di Jerman menerusi program GAPP.





KOLEJ POLY-TECH MARA (KPTM)

Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) sentiasa melangkaui sempadan untuk terus berada dalam kelompok teratas Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang cemerlang. KPTM kini beroperasi di sembilan (9) buah kampus cawangan di Kuala Lumpur, Bangi, Kuantan, Kota Bharu, Alor Setar, Ipoh, Batu Pahat, Semporna dan Gua Musang. Sebanyak 60 kursus ditawarkan menerusi program pengajian pada peringkat sijil, diploma, ijazah dan profesional dengan jumlah enrolmen pelajar semasa seramai 17,000 orang.

Ringkasan Aktiviti

- i. KPTM Kota Bharu Kampus Kejururawatan telah berpindah secara rasmi dari Kemumin ke Kampus Baru Lembah Sireh, Kota Bharu pada bulan Januari 2012.



Sekitar Lawatan Ahli Lembaga Pengarah ke kampus baru KPTM Kota Bahru@Waterfront

- ii. KPTM telah menjalinkan kerjasama pendidikan dengan Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA), Kirkby International College, Sutra Utama dan BERNAMA.



KPTM menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)

KPTM telah menandatangani Perjanjian Usahasama (MOA) dengan Kirkby International College dalam Kursus Pensiswazahan Guru

- iii. Majlis Konvokesyen Ke-29 KPTM telah berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 13-14 Oktober 2012 dengan menyaksikan 3,730 graduan menerima diploma dan ijazah masing-masing.



Penerima anugerah bergambar kenangan bersama Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Dato' Hasan bin Malek pada Majlis Konvokesyen KPTM ke-29 di PICC, Putrajaya


- iv. KPTM mengungguli kedudukan tiga (3) tangga teratas Kategori Majikan Besar (Perkhidmatan) dalam Anugerah Pembangunan Sumber Manusia Berhad.



Presiden KPTM, YBhg Dato' Haji Yusoff bin Harun menerima sijil pada Majlis Anugerah Pembangunan Sumber Manusia di Putrajaya

Prestasi Pengambilan, Enrolmen dan Graduat

KPTM berjaya membuat pengambilan pelajar baharu seramai 7,400 orang pelajar baru pada tahun 2012. Jumlah enrolmen pada tahun 2012 adalah seramai 17,000 orang pelajar.



Pencapaian

- ▶ Mendapat penarafan KPT MyQUEST Rating 4 (amat baik) untuk keseluruhan kolej dan Rating 5 (cemerlang) untuk kluster Sains, Matematik, Sains Komputer dan Arts & Humanities.
- ▶ Pelancaran Unit Inovasi dan Kreativiti yang berfungsi sebagai pusat yang akan mengkoordinasi aktiviti inovasi dan kreativiti seluruh kampus cawangan KPTM.
- ▶ Memperolehi persijilan MS ISO 9001: 2008 untuk kesemua kampus cawangan kecuali Kampus Gua Musang yang baru ditubuhkan.
- ▶ Memperolehi Grade A untuk Audit UiTM dalam penilaian kolej-kolej bersekutu UiTM.
- ▶ 96% pelajar program Diploma KPTM telah mendapat kelulusan peperiksaan dalam tahun 2012.
- ▶ Pelajar program usahawan UiTM di KPTM telah menerima anugerah pelajar cemerlang & Naib Canselor UiTM
- ▶ Penubuhan inkubator usahawan muda (Y.E.S) di kampus Kuala Lumpur.
- ▶ Penubuhan Federasi Alumni KPTM yang menggabungkan persatuan-persatuan Alumni di 8 kampus KPTM.



GIATMARA

- ▶ GIATMARA memainkan peranan utama dalam menyediakan latihan kemahiran teknikal dan vokasional kepada belia Bumiputera di luar bandar dan di dalam bandar sebagai persediaan menjadi tenaga kerja mahir dan separa mahir serta usahawan teknikal bagi memenuhi keperluan industri negara.
- ▶ Pada tahun 2012, jumlah pengambilan pelajar GIATMARA adalah seramai 21,949 orang iaitu meningkat 11.92% berbanding 19,612 orang pada tahun 2011.
- ▶ Sehingga 2012, GIATMARA menawarkan 39 jenis kursus peringkat sijil di bawah 12 kluster seperti yang berikut:

- | | | | |
|----------------|-----------------|---------------------------|------------------------------|
| ▶ Mekanikal | ▶ Percetakan | ▶ Elektronik & Mekatronik | ▶ Hairdressing & Cosmetology |
| ▶ Seni Bina | ▶ Elektrikal | ▶ Kulinari | ▶ Hospitaliti |
| ▶ Pengangkutan | ▶ Komputer & IT | | |
| ▶ Pembuatan | ▶ Fabrik | | |

Ringkasan Kejayaan GIATMARA



Tujuh (7) orang pelajar terbaik dari GIATMARA dipilih mewakili Malaysia dalam Pertandingan Kemahiran ASEAN (ASC) 2012 di Jakarta, Indonesia pada 13 hingga 20 November 2012.



Seorang pelatih GIATMARA Batu dipilih menjadi penunggang utama Team PETRONAS Malaysia bagi kategori 600cc. dalam perlumbaan motosikal seperti Asia Road Racing dan MMS.



GIATMARA berjaya membawa pulang 5 pingat emas, 1 pingat perak dan 1 pingat gangsa serta 5 sijil kecemerlangan dalam Pertandingan Kemahiran Malaysia manakala dalam MySkills 2012 pula membawa pulang 1 pingat emas, 1 pingat gangsa dan 2 Sijil Kecemerlangan.



Melalui aktiviti Pameran dan Pertandingan Inovasi GIATMARA tahun 2012 telah berjaya membudayakan sikap inovasi dan kreatif dikalangan pelatih.


Sektor Pelaburan

- Bahagian Kawalan Kredit ◀
- Bahagian Industri Pengangkutan ◀
- Bahagian Pelaburan & Pembangunan Subsidiari ◀
 - MARA Incorporated Sdn. Bhd. ◀
 - Pelaburan MARA Berhad (PMB) ◀

Pencapaian Sektor Pelaburan

BAHAGIAN KAWALAN KREDIT (BKK)

- Dalam mengatur strategi untuk melaksanakan kutipan bayaran balik semua pinjaman dan memantau kutipan sewaan premis perniagaan MARA, Bahagian Kawalan Kredit (BKK) memfokuskan kepada dua (2) aktiviti utama iaitu pinjaman pelajaran dan pinjaman perniagaan MARA.
- Kemudahan semakan penyata pinjaman melalui portal rasmi MARA di bawah sistem e-baki membantu peminjam membuat semakan mengenai status pinjamannya melalui sistem ini.
- BKK menyediakan kemudahan kepada peminjam membuat bayaran balik pinjaman melalui kaedah berikut:
 - i. Pembayaran tunai di kaunter bayaran pejabat MARA, kaunter bank terpilih dan pejabat pos;
 - ii. Pembayaran secara online melalui bank seperti BIMB, Bank Rakyat, Maybank, CIMB, BSN dan lain-lain; dan
 - iii. Kemudahan potongan gaji, arahan bank dan pengeluaran dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).
- Prestasi kutipan pada tahun 2012 telah meningkat sebanyak 39.12% berbanding dengan tahun 2011 iaitu daripada RM502,244,613 kepada RM698,722,514. Pecahan kutipan mengikut jenis pinjaman adalah seperti di jadual berikut:



Prestasi Kutipan Bayaran Balik Mengikut Jenis Pinjaman

- 2011
- 2012

* Nota: Jumlah kutipan bagi tahun 2011 adalah selepas dibuat pelarasan semula.

OUTCOME

Pengurangan
Kebergantungan

Penguasaan
Ekuiti

Meningkatkan
Taraf Sosio
Ekonomi

- BKK juga mengambil inisiatif untuk menjadikan persekitaran kerja yang kondusif. Selain memberi keselesaan kepada staf, persekitaran yang berkualiti juga akan memberi impak yang baik kepada pelanggan-pelanggan yang datang berurusan. BKK mengamalkan konsep Persekitaran Berkualiti seperti garis panduan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).




Kaunter Perkhidmatan Pelanggan BKK

BAHAGIAN INDUSTRI PENGANGKUTAN (BIP)

MARA menyediakan rangkaian pengangkutan awam melalui perkhidmatan bas henti-henti dan ekspres yang menghubungkan pusat penempatan dan pembangunan seperti di Felda, DARA, KEDA, KEJORA dan di kawasan luar bandar lain dengan kawasan bandar. Tanggungjawab ini digalas bagi menyokong kerancangan mobiliti rakyat dan aktiviti sosioekonomi seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara.

Program ini selaras dengan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara yang dipelopori oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) di bawah dasar penambahbaikan dan kesalinghubungan antara kawasan bandar dengan luar bandar ke arah pencapaian Wawasan 2020.





Perkhidmatan bas oleh MARA Liner telah memberi kemudahan kepada 7.1 juta penumpang pada tahun 2012 yang mana seramai 6,158,730 orang menggunakan perkhidmatan bas henti-henti dan 926,186 orang menggunakan perkhidmatan ekspres. Perkhidmatan ini melibatkan perjalanan sejauh 26,665,181 kilometer.

Dua laluan baharu bagi perkhidmatan ekspres diperkenalkan pada tahun 2012 iaitu laluan Kuala Perlis - Shah Alam dan Johor Bahru - Kuala Terengganu.


MARA Liner juga telah berjaya membangunkan dan mengembangkan perniagaan lima (5) orang usahawan Bumiputera yang terlibat dalam bidang pembuatan bateri kenderaan, pembekalan alat ganti dan pembinaan dan pembaikan badan bas.

93 Laluan Henti-henti



BAHAGIAN PELABURAN DAN PEMBANGUNAN SUBSIDIARI (BPPS)

- ▶ MARA menjalankan aktiviti pelaburan melalui subsidiarinya yang merangkumi aktiviti pengurusan portfolio ekuiti, pembangunan hartanah dan pengkorporatan. Pembangunan subsidiari dibuat melalui pemantauan tadbir urus 19 buah syarikat yang berstatus sendirian berhad, syarikat jaminan, perbadanan dan bersekutu dilaksanakan secara berterusan dalam memastikan *good governance practices* diutamakan dalam pengurusan syarikat.
- ▶ Syarikat-syarikat subsidiari MARA bagi kategori syarikat komersial adalah Pelaburan MARA Berhad, MARA Incorporated Sdn. Bhd., Glocal Link (M) Sdn. Bhd., MARA Liner Sdn. Bhd. dan Rural Capital Sdn. Bhd. Yayasan Pelajaran MARA merupakan syarikat perbadanan di bawah Seksyen 25 Akta MARA 1966, German Malaysian Institute merupakan syarikat di bawah jaminan MARA dan Med-Bumikar MARA Sdn. Bhd. adalah syarikat bersekutu MARA. Terdapat 11 buah syarikat bagi kategori latihan dan perkhidmatan iaitu Universiti Teknikal MARA Sdn. Bhd., Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd., GIATMARA Sdn. Bhd., F.I.T Centre Sdn. Bhd., Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia Sdn. Bhd., Institut Infotech MARA Sdn. Bhd., British Malaysian Institute Sdn. Bhd., Malaysian France Institute Sdn. Bhd., Malaysian Spanish Institute Sdn. Bhd., Malaysian Institute of Aviation Technology Sdn. Bhd. dan MARA Excellent Ventures Sdn. Bhd.
- ▶ Pencapaian kewangan syarikat-syarikat MARA bagi tahun 2012 secara keseluruhannya meningkat berbanding tahun-tahun sebelumnya. Berikut adalah imbasan pencapaian kewangan keseluruhan bagi syarikat-syarikat MARA:





- Prestasi syarikat berkait rapat dengan tadbir urus yang baik dan seterusnya menyumbang kepada proses membuat keputusan yang lebih cekap dan berkesan. Usaha memperkasa sistem tadbir urus syarikat-syarikat subsidiari MARA dalam memastikan ketelusan, akauntabiliti dan pencapaian prestasi yang cemerlang telah dilaksanakan melalui enam (6) siri program pemantapan yang diatur sepanjang tahun 2012. Antara program yang dianjurkan adalah Seminar Tadbir Urus Korporat, *Roles & Responsibilities of MARA's Subsidiaries Companies and Its Auditors* dan Pelarasan Polisi Sumber Manusia Syarikat Subsidiari.
- MARA telah mengkorporatkan Institut Antarabangsa Latihan Keguruan MARA (IALKM) dan meletakkan pengurusannya di bawah MARA Excellent Ventures Sdn. Bhd. (MEX). Matlamat pengkorporatan IALKM adalah untuk melahirkan tenaga pengajar profesional yang boleh menjadi penanda aras bagi profesion perguruan. Beroperasi pada pertengahan 2012, sebanyak 54 kursus telah dianjurkan dan dihadiri oleh 2,230 orang peserta di kalangan tenaga pengajar Institusi Pendidikan MARA (IPMa).



MARA INCORPORATED SDN. BHD.

MARA Inc. sentiasa komited dalam melangkah ke hadapan agar usahawan Bumiputera dapat bersama dalam arus perdana transformasi ekonomi bagi meningkatkan ekuiti penyertaan usahawan dan syarikat Bumiputera dalam pasaran perniagaan.

MARA Inc. sebagai sayap pelaburan MARA terlibat dalam pelbagai bidang termasuk hartanah, perniagaan, tenaga, perkhidmatan am, pelaburan dan kewangan, teknologi dan inovasi. Dalam mengukuhkan dominasi usahawan Bumiputera agar seiring dengan sektor korporat yang lain, BUSANA yang merupakan mercu tanda baru MARA dalam meningkatkan bilangan usahawan Bumiputera telah diwujudkan di Menara MARA.

MARA Inc. diberi kepercayaan untuk menyediakan ruang niaga serta membentuk usahawan Bumiputera dalam menerajui perniagaan peruncitan sekali gus memperluas perniagaan mereka di dalam kawasan Segi Tiga Emas Kuala Lumpur.



PELABURAN MARA BERHAD (PMB)

Pelaburan MARA Berhad (PMB) sebelum ini dikenali sebagai Amanah Saham MARA Berhad merupakan pelopor industri saham amanah negara adalah hasil daripada Program Transformasi ASMB 2011 – 2015. Objektif utama PMB ialah menggembelng modal masyarakat Bumiputera di samping mendidik masyarakat luar bandar terlibat dalam pelaburan di pasaran saham.

PMB telah melebarkan aktiviti perniagaan lain termasuk perkhidmatan nominee, hartanah dan pegangan pelaburan selain meneruskan pengurusan dana unit amanah di bawah syarikat milik penuhnya, ASM Investment Services Berhad yang menguruskan 13 dana unit amanah dan satu dana perlindungan modal.

Pelancaran ASM Shariah Cash Management Fund (ASM SCMF)

ASM Investment Services Berhad (ASM Investment), anak syarikat milik penuh PMB melancarkan dana terbarunya, ASM Shariah Cash Management Fund (ASM SCMF) pada 11 Oktober 2012. ASM SCMF sebelum ini dikenali sebagai ASM Syariah Money Market Fund (ASM SMMF). ASM SMMF sebelum ini menyediakan peluang kepada para pelabur untuk menukar pelaburan mereka daripada dana ekuiti berisiko tinggi kepada dana berisiko rendah. Pertukaran daripada ASM SMMF kepada ASM SCMF adalah ekoran daripada usaha ASM Investment yang mahu mengukuh dan menggiatkan lagi dana tersebut selain mahu memberikan yang terbaik kepada para pelaburnya.



Ringkasan aktiviti PMB

1. Hari Penghargaan Pelabur 2012 (HPP)

ASM Investment Services Berhad (ASM Investment), telah menganjurkan Hari Penghargaan Pelabur (HPP) dan ASM Investment Cares 2012 di tiga (3) lokasi terpilih iaitu di Kuantan, Pahang pada 1 Mei 2012, Seberang Prai, Pulau Pinang pada 6 Oktober 2012 dan di Johor Bahru pada 20 Oktober 2012. HPP merupakan acara tahunan yang diadakan dengan tujuan untuk mendekatkan syarikat dengan masyarakat pelabur amnya dan para pelabur ASM Investment di lokasi terpilih tersebut.

2. Penyerahan Takaful

ASM Investment Services Berhad (ASM Investment) anak syarikat milik penuh PMB telah menyerahkan jumlah keseluruhan pampasan perlindungan takaful berjumlah RM161,379.55 kepada pelabur-pelabur untuk dana unit amanahnya sepanjang tahun 2012.

Sebanyak sembilan (9) dana unit amanah yang diurus ASM Investment menawarkan perlindungan takaful percuma. Dana-dana tersebut ialah Dana Al-Aiman, ASM Shariah Premier Fund, ASM Shariah Growth Fund, Dana Bestari, ASM Dana Mutiara, ASM Syariah Dividend Fund, ASM Shariah Balanced Fund dan Amanah Saham Pekerja-Pekerja TNB untuk kakitangan dan syarikat TNB.



3. Pelancaran Logo Baru PMB

Pelancaran logo baru PMB sempena Majlis Sambutan Hari MARA ke-46 pada 1 Mac 2012 telah disempurnakan oleh YB. Dato' Seri Mohd Shafie bin Afdal, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).






4. Majlis Pelancaran ASM Shariah Cash Management Fund pada 11 Oktober 2012.



Sektor Khidmat Pengurusan


- Bahagian Sumber Manusia ◀
- Bahagian Kewangan ◀
- Bahagian Pengurusan Aset & Perolehan ◀
- Bahagian Teknologi Maklumat ◀
- Bahagian Binaan & Selenggaraan ◀
- Bahagian Pemantauan & Inspektorat ◀

Pencapaian Sektor Khidmat Pengurusan



BAHAGIAN SUMBER MANUSIA (BSM)


Fungsi utama BSM difokuskan kepada dua (2) yaitu Pembangunan Sumber Manusia (*Human Resource Development [HRD]*) dan Pengurusan Sumber Manusia (*Human Resource Management [HRM]*). Tahun 2012 telah dilancarkan Transformasi Sumber Manusia (*HR Transformation [HRT]*) yang memfokuskan bidang strategik iaitu pengambilan dan penempatan staf (*Attracting, Acquiring and On Boarding*), Pengurusan Prestasi (*Performance Management*), *3Cs Development* dan Pengurusan Kerjaya dan Pelan Penggantian (*Career & Succession Management*). Kerangka pelaksanaan HRT ini adalah seperti yang berikut:



Program-program latihan di bawah Pembangunan Sumber Manusia (*Human Resource Development [HRD]*) adalah untuk memperkasakan 3Cs - *capacity*, *capability* dan *character* warga MARA. Program Pembangunan Bakat (Talent Development Program) turut dilaksanakan secara serentak bertujuan mempertingkatkan 3C's staf berprestasi tinggi, persediaan sebagai bakal pemimpin dan pelapis kepada pemimpin-pemimpin (*leaders*) pusat pentadbiran operasi sedia ada. *Outcome* kepada program ini adalah untuk melahirkan warga kerja yang lebih dinamik, proaktif dan berinovasi dan berdaya tahan.


Untuk mencapai hasrat itu BSM melaksanakan '*Continuous Employment Training*' (CET) bertujuan:

- ▶ meningkatkan kemahiran dan membangunkan kompetensi
- ▶ memberi pendedahan secara sandaran (*attachment*) melalui program peminjaman dan cross-fertilisation,
- ▶ menyertai seminar dan persidangan dalam dan luar negara.



Dalam usaha memperkasakan struktur organisasi MARA, BSM telah melaksanakan kajian semula tenaga manusia dengan mengoptimalkan bilangan staf bagi mencapai produktiviti melalui kaedah *rightsizing*, *redeployment* dan *trade-off* jawatan-jawatan sedia ada. Setakat 31 Disember 2012, waran perjawatan yang diluluskan adalah sebanyak 11,607 perjawatan di mana 10,698 perjawatan (92.2%) telah diisi.

Kedudukan pengisian jawatan adalah seperti yang berikut:




PEMBANGUNAN BAKAT (TALENT DEVELOPMENT)

Talent Pool Program



Program yang dilaksanakan adalah latihan berdasarkan kepada kedudukan staf dalam kuadron bakat masing-masing. Latihan ini berteraskan kepada pembangunan dan peningkatan kompetensi dari aspek kepimpinan, pembuatan keputusan, penyelesaian masalah, inovasi dan kreativiti dan komunikasi; tertakluk kepada kedudukan staf dalam kuadron.

Pencapaian program yang dilaksanakan adalah seperti yang berikut:



PEMBANGUNAN MODAL INSAN (HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT)

Peluang-peluang pembangunan kerja sentiasa diutamakan melalui inisiatif latihan yang dianjurkan oleh badan luar (*public course*) dan program pembangunan kerjaya. Seramai 507 orang staf telah diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran melalui pelbagai skim pembangunan kerjaya; manakala 4,849 orang staf telah diberikan pelbagai latihan yang dianjurkan oleh badan luar. Pencapaian program tersebut adalah seperti yang berikut:



PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Selain daripada kenaikan pangkat, warga kerja yang berkhidmat dengan cemerlang juga telah diberi pengiktirafan melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Seramai 848 orang staf diberi penghargaan pada tahun 2012 atas perkhidmatan cemerlang dalam tahun 2011.

Pengurniaan Pingat dan Darjah Kebesaran

Warga kerja MARA yang telah memberikan sumbangan kepada organisasi dan masyarakat turut dianugerahkan pingat dan darjah kebesaran oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Seramai tiga (3) orang staf telah dikurniakan pingat Persekutuan manakala sembilan (9) orang staf telah dikurniakan pingat/darjah kebesaran negeri.




BAHAGIAN KEWANGAN (BKW)

Selaras dengan peranan sektor awam melonjakkan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negara, BWK telah diamanahkan untuk memastikan perbelanjaan mengurus MARA berteraskan kepada prinsip penggunaan sumber secara optima, berhemah dan memberi nilai bagi wang (*Value for money*).

Prestasi dan Cabaran

Melalui penyaluran bajet sebanyak RM3.478 bilion pada tahun 2012, MARA telah melaksanakan strategi pengukuhan *mindset* keusahawanan kepada 11,000 warga kerja MARA dan pembangunan modal insan kepada 77,176 pelajar tajaan MARA yang kompeten di peringkat global telah dirangka secara holistik.

Tahun 2012 menyaksikan cabaran MARA dalam membudayakan *entrepreneurship-driven competency* kepada seluruh warga kerja MARA dari pelaksana polisi kerajaan kepada entiti yang cenderung ke arah pencapaian kecemerlangan.



**Prestasi
Belanja 2012**



BAJET 2012

Bajet 2012 telah dirangka dan dirancang bertemakan pembudayaan *Entrepreneurship Mindset* dengan memberi penekanan kepada dua (2) fokus utama iaitu:

Fokus Pertama: Perbelanjaan Berhemah

Pada tahun 2012, bajet mengurus MARA berjumlah RM3.478 bilion kepada 536 pusat operasi MARA telah berjaya dilaksanakan dengan keseluruhan perbelanjaan sebenar sebanyak 97.84% iaitu penjimatan sebanyak 2.16% (74.6 juta). Kejayaan ini dicapai melalui strategi-strategi seperti berikut:

- Peringatan berterusan dalam mengendalikan pengurusan kewangan terutamanya dalam memastikan perbelanjaan dibuat secara berhemah.
- Melaksanakan *Empowering Management Budgeting System* ke 384 pusat belanjawan MARA.
- Penurunan kuasa agihan sehingga RM50,000.00 kepada pusat bagi melancarkan urusan perbelanjaan di pusat.

Fokus Kedua: Meningkatkan Kecekapan

Pengurusan kewangan yang efisien dan efektif bagi memastikan Penyata Kewangan MARA disediakan dengan mematuhi piawaian-piawaian perakaunan yang ditetapkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). MARA telah memperoleh Sijil Audit bersih daripada Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan MARA dan Kumpulan 2011.



BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN (BAP)

- ▶ BAP bertanggungjawab dalam menguruskan aset, perolehan (bekalan dan perkhidmatan) dan fasiliti MARA.

Pengurusan Aset

Aset	2011	2012
Tanah	2,813 lot	2,826 lot
Bangunan	2,258 unit	2,285 unit
Kenderaan	521 unit	597 unit
Alatan	147,628 unit	161,127 unit

- ▶ Sistem Pengurusan Aset Alih MARA (SPA) telah digunakan sepenuhnya di peringkat Ibu Pejabat MARA untuk memastikan aset alih dapat diuruskan dengan lebih sistematik dan berkesan.

Pengurusan Perolehan

- ▶ Sebanyak 72 perolehan bekalan dan 25 perolehan perkhidmatan dilaksanakan sepanjang tahun 2012.
- ▶ Melalui Sistem Perolehan Elektronik (SPE) modul e-Bidding, MARA telah berjaya membuat penjimatan kos sebanyak RM1.9 juta.
- ▶ Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh syarikat Commerce Access Sdn. Bhd., MARA menduduki tempat pertama dalam senarai Badan Berkanun yang menggunakan Sistem Perolehan Elektronik (SPE) modul e-Bidding sebanyak 20 sesi bernilai RM21.9 juta.

Pengurusan Fasiliti

- ▶ BAP menguruskan 143 unit kuarters, 32 unit rumah rehat dan 85 unit kenderaan di Ibu Pejabat MARA.
- ▶ Bagi memantapkan tadbir urus dan pembangunan modal insan terutama dalam proses perolehan dan pengurusan fasiliti, BAP ini telah menganjurkan bengkel dan latihan kepada anggota kerja MARA seperti berikut:

Kursus/Latihan	Bilangan Peserta
Bengkel Pelaksanaan Sistem Pengurusan Aset Alih	40 orang
Bengkel Sistem Perolehan Elektronik	227 orang
Bengkel Penyediaan SOP Pentadbiran Kontrak	20 orang
Bengkel Manual Prosedur Kerja Urusan Perolehan	20 orang
Kursus Kesedaran Keselamatan & Kesihatan Pejabat	100 orang
Seminar Bijak Mengurus Wang	60 orang
Kursus Team Building	66 orang

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (BTM)

- Bahagian ini bertanggungjawab menyediakan kemudahan dan perkhidmatan ICT berdasarkan Pelan Strategik ICT (ISP) MARA sebagai pemangkin (*enabler*) kecemerlangan dalam meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan MARA.
- Pelbagai usaha telah dijalankan bagi melengkapkan prasarana infostruktur dan infrastruktur ICT di kesemua Pusat MARA dengan melaksanakan dua (2) inisiatif yang telah digariskan dalam ISP MARA iaitu melalui Inisiatif ICT:
 - i. Pembangunan Aplikasi
 - ii. Pengupayaan Persekitaran (*Enabling Environment*)
- Berikut ialah persekitaran ICT yang dilaksanakan sepanjang tahun 2012:




- Portal MARA di bawah Projek *Managed Portal Services* (MPS) dengan usahasama Bahagian Komunikasi Korporat dan Bahagian Teknologi Maklumat telah dianugerahkan pengiktirafan 5 bintang dalam *Malaysia Government Portals and Websites Assessment* (MGPWA) 2012 Multimedia Development Corporation (MDeC).



Trofi dan Sijil Anugerah *Malaysia Government Portals and Websites Assessment* (MGPWA) 2012

BAHAGIAN BINAAN DAN SELENGGARAAN MARA (BBS)

- ▶ Bahagian Binaan dan Selenggaraan (BBS) bertanggungjawab terhadap pembinaan projek-projek fizikal MARA serta kerja-kerja selenggaraan bagi semua bangunan MARA.
- ▶ Sepanjang tahun 2012, BBS telah menyelia sebanyak 207 projek terdiri daripada tiga (3) peringkat iaitu 30 projek pra-pembinaan, 19 projek dalam pembinaan dan 158 projek pasca pembinaan.
- ▶ Pelaksanaan projek selenggaraan BBS bagi tahun 2012 ialah berjumlah 234 projek bernilai RM101.6 juta dan pencapaian adalah seperti berikut:



BAHAGIAN PEMANTAUAN DAN INSPEKTORAT (BPIN)

- ▶ Bahagian Pemantauan dan Inspektorat (BPIN) bertanggungjawab untuk mengawal selia dan memantau semua pusat pentadbiran MARA bagi memastikan peningkatan kualiti pengurusan dan kompetensi warga kerja MARA selaras dengan dasar, peraturan, etika perkhidmatan dan piawaian yang ditetapkan.
- ▶ Pada tahun 2012, BPIN telah melepasi sasaran lawatan pemantauan/penaziran sebanyak 40 siri yang ditetapkan dengan mencapai 46 lawatan ke atas pusat MARA meningkat berbanding 34 lawatan pada tahun 2011.
- ▶ BPIN telah memperkenalkan tiga (3) instrumen dan satu (1) manual pemantauan/penaziran iaitu:
 - Instrumen Pemantauan PMN
 - Instrumen Pemantauan PMD
 - Instrumen Penaziran MRSM
 - Manual Kepemimpinan
- ▶ Pemurnian instrumen SPMa telah dilaksanakan berdasarkan analisis yang dijalankan dengan penambahbaikan beberapa item bagi mendapat indeks kebolehpercayaan yang tinggi.
- ▶ Dalam memastikan kualiti pengurusan pendidikan secara menyeluruh, Penilaian Kendiri (PK) SPMa 2011 telah dilaksanakan secara atas talian pada Januari hingga Jun 2012 yang melibatkan 285 Institusi Pendidikan MARA (IPMa).

- Pelaksanaan Penilaian Kendiri ini adalah mengikut pecahan berikut:

IPMa	Bil. IPMa	Bil. Yang Menghantar PK 2011	Peratus (%)
Kolej MARA (KM)	4	4	100
Kolej Profesional MARA (KPM)	6	6	100
Maktab Rendah Sains MARA (MRSM)	45	44	98
Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM)	10	10	100
Institut Kemahiran MARA (IKM)	12	12	100
GIATMARA	217	209	96
JUMLAH	294	285	97

- Pelaksanaan SPMa telah menyumbang kepada pembangunan modal insan warga IPMa.
- BPIN juga telah mendapat tempat kedua bagi Kategori Pengurusan dalam Anugerah Inovasi MARA 2012 - MARA Education Quality System (MEQS).



Jabatan Ketua Pengarah

Bahagian Dasar & Perancangan Strategik ◀

Bahagian Audit Dalam ◀

Bahagian Undang-Undang ◀

Bahagian Komunikasi Korporat ◀

Unit Penyelaras ◀

Unit Urus Setia Majlis ◀

Unit Penyelidikan & Inovasi ◀

Unit Integriti ◀





BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK (BDPS)

- Bersesuaian dengan Kerangka Transformasi MARA, bahagian ini telah dijenama semula pada tahun 2012 daripada Bahagian Perancangan Korporat (BPK) kepada Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS) sejajar dengan pertambahan skop tugas dan peranan yang lebih luas dan signifikan.
- BDPS bertanggungjawab merancang, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan dasar dan perancangan strategik MARA. BDPS turut menyelaraskan permohonan Bajet Pembangunan MARA dan lain-lain dana daripada Agensi Pusat serta memantau prestasi fizikal dan perbelanjaan secara keseluruhan. Pada tahun 2012, MARA telah menerima Bajet Pembangunan sebanyak RM1.052 bilion bagi melaksanakan 109 projek/program.
- Ia juga berperanan menyelaraskan perancangan projek/program MARA supaya selari dengan dasar kerajaan seperti Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) serta hala tuju negara terutamanya Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Agensi Pusat dan Kementerian Kewangan.
- Aktiviti penyelidikan dan pembangunan melibatkan penyediaan Laporan Tahunan MARA, Laporan Prestasi Transformasi MARA secara tahunan dan Data Korporat MARA secara bulanan serta melaporkan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan *outcome* yang telah ditetapkan dalam Pelan Strategik MARA 2011-2015.
- Ia juga menyelaraskan Kajian Penilaian *Outcome* projek/program MARA. Pada tahun 2012, empat (4) Kajian Penilaian *Outcome* telah dijalankan iaitu:
 - i. Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE)
 - ii. Program Pembangunan Bumiputera dalam Sistem Binaan Berindustri atau *Industrialised Building System* (IBS)
 - iii. Keberkesanan Program Ulul Albab di MRSM Kota Putra, Terengganu
 - iv. Program Inkubator Teknologi Perkilangan Bumiputera (INTEP)
- Dalam mendapatkan input bagi merancang dasar MARA, BDPS turut menganjurkan pelbagai seminar, bengkel dan makmal yang berkaitan keusahawanan, ekonomi dan pembangunan modal insan.
- BDPS bertindak menyediakan maklum balas untuk Persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara termasuk Mesyuarat Jemaah Menteri dan Mesyuarat Ketua Perkhidmatan. Ia juga menjadi penyelaraskan dalam menjayakan pelaksanaan *Rural Transformation Centre* (RTC), Mini RTC, Desa Lestari serta *Urban Transformation Centre* (UTC).
- Selain membina jaringan perhubungan dalam negara, BDPS juga terlibat dalam penyelarasan program usahasama MARA di peringkat antarabangsa. Antara inisiatif dan kerjasama yang dijalankan ialah:
 - i. Leadership Executive Program: MARA dan East West Center, USA
 - ii. MARA *International Teaching Assistant Programme* (MITAP): Program usahasama MARA dan University of Loughborough, UK
 - iii. MARA - Project Trust UK: GAP Year Programme

BAHAGIAN AUDIT DALAM (AuD)

- Bahagian Audit Dalam (AuD) bertanggungjawab dalam melaksanakan pengauditan ke atas pusat-pusat MARA dengan cekap dan berkesan bagi memastikan program dan aktiviti MARA dilaksanakan mengikut matlamat dan arahan yang ditetapkan serta diuruskan secara berhemah. Di samping itu, AuD berperanan memberi khidmat nasihat dan cadangan penambahbaikan kepada Pengurusan MARA bagi memantapkan kawalan dalaman serta tadbir urus korporat ke arah melahirkan modal insan global dan berintegriti.
- Aktiviti yang dilaksanakan oleh AuD adalah seperti yang berikut:
 - i. **Pematuhan**
AuD melaksanakan pemeriksaan terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan untuk menentukan sama ada pendapatan, perbelanjaan, aset dan stok diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan semasa yang berkaitan.





ii. Prestasi

Pengauditan yang dijalankan oleh AuD penting untuk menilai dan menentukan sesuatu program/aktiviti organisasi telah mencapai matlamatnya dengan pengurusan sumber yang efektif, efisien dan ekonomik.


iii. Siasatan

Auditan khas dilaksanakan terhadap aduan yang diterima dan arahan daripada Majlis MARA, Jawatankuasa Audit MARA (JAM), Ketua Pengarah MARA serta *red flag* daripada penemuan Audit Pematuhan.

Pelaksanaan Program

**Efektif
Ekonomik
Efisien**

**PRESTASI
PROGRAM**



iv. Penampilan atau Pemeriksaan Mengejut

Audit Penampilan atau Pemeriksaan Mengejut dijalankan oleh AuD terhadap pusat-pusat operasi MARA meliputi aspek pematuhan secara menyeluruh dan hanya memberi penekanan kepada kawalan dalaman.

v. Susulan

Program susulan dilaksanakan untuk memastikan penemuan dan syor audit telah diambil tindakan sewajarnya.

- Pencapaian AuD berdasarkan adalah seperti yang berikut:

KPI		SASARAN	PENCAPAIAN		BIL. PUSAT DILAWATI
			JUMLAH	%	
Bilangan Program Audit	Audit Pematuhan	20	20	100	20
	Audit Prestasi	5	5	*81	15
	Audit Siasatan	Sebenar	**11	94.5	11
	Audit Penampilan atau Pemeriksaan Mengejut	50	54	108	54

KPI		SASARAN	PENCAPAIAN		BIL. PUSAT DILAWATI
			JUMLAH	%	
	Audit Susulan	10	10	100	6
Bilangan Program	Control Self-Assessment (CSA), Kursus, Bengkel, Lawatan Kerja	10	20	200	5
Bilangan Mesyuarat & Lawatan	Jawatankuasa Audit MARA (JAM)	12	12	100	9
Jumlah Pusat Dilawati					120

Nota: * Pertukaran tajuk auditan pada pertengahan tahun. ** Dua kes siasatan diterima pada akhir tahun


BAHAGIAN UNDANG-UNDANG (BUU)

Selaras dengan objektifnya di dalam memastikan semua aktiviti, program dan projek MARA dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan selain meningkatkan kecekapan sistem penyampaian MARA, fokus utama perkhidmatan Bahagian Undang-Undang adalah meliputi:

A. Khidmat Perundangan Korporat


1. Gubalan & Semakan Perjanjian

Sepanjang tahun 2012, BUU komited dengan menyediakan, menggubal dan menyemak sejumlah 126 memorandum persefahaman atau perjanjian yang melibatkan pelbagai program, projek dan aktiviti MARA termasuk program pembangunan modal insan.



2. Nasihat Perundangan

BUU bertanggungjawab memberi pandangan dari aspek perundangan berkaitan pelaksanaan program dan aktiviti MARA. Dalam tahun 2012 sejumlah 210 pandangan dan nasihat perundangan telah diberikan.



3. Program Latihan dan Engagement


Pelbagai kursus dan program dilaksanakan pada tahun ini bagi meningkatkan pengetahuan undang-undang dan kecekapan dalam bidang yang berkaitan. Dalam tahun 2012, sebanyak 11 program latihan dan lapan (8) program engagement telah dilaksanakan kepada warga kerja MARA yang antaranya melibatkan Pengurusan MARA, Pengarah MARA Negeri, Pegawai MARA Daerah dan Penolong Pegawai Tadbir (Penguatkuasaan).



B. Litigasi

Sebagai usaha bagi mendapatkan bayaran balik pinjaman, tindakan penguatkuasaan terhadap peminjam dan penjamin Pinjaman Pelajaran MARA yang ingkar telah dilaksanakan oleh BUU.

Hasil daripada tindakan tersebut kutipan bayaran balik pinjaman pelajaran yang berjaya dikutip oleh BUU bagi tahun 2012 ialah sebanyak RM9,379,955.00.



BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT (BKOM)

Bahagian Komunikasi Korporat adalah sebagai platform di dalam penyampaian dan penyaluran maklumat, peningkatan imej korporat MARA, perhubungan awam, media, pengurusan aduan dan khidmat pelanggan.

STRATEGI

Memenuhi tanggungjawab untuk mengukuhkan dan meningkatkan identiti serta imej MARA di peringkat global melalui program-program yang berkesan dan terancang secara terus kepada masyarakat dan kumpulan sasar melalui strategi berikut:

a. Imej Korporat

- ▶ Promosi dan publisiti korporat secara teratur melalui pelbagai saluran media cetak dan media elektronik seperti Portal MARA, Laman Intranet, Facebook MARA, Facebook Pusat Sumber Kerjaya, eWarta MARA, twitter MARA, Youtube, emel dan sms.
- ▶ Pencapaian pembaca bagi langganan media MARA adalah 30 juta, Keluaran Khas Media 1.9 juta, pengiklanan dan komersial 37.6 juta, iklan atas talian 6.5 juta, iklan digital 787,500, media cetak 1.3 billion dan media elektronik 23.5 juta.

- Jumlah pengunjung Blog e-Warta purata 4,000 sebulan dan Facebook MARA sebanyak 103,828 iaitu kedudukan ke-6 di bawah pemantauan MAMPU.



b. Majlis Korporat MARA 2012

- Mengajukan majlis rasmi MARA secara teratur sebagai medium penghebahan maklumat kepada *stake holder* dalaman dan luaran MARA.
- Mewujudkan time line event sebagai rangka perancangan promosi yang rapi dan memberikan impak positif sesuai dengan keperluan *stakeholder*.



Majlis Rasmi MARA - MRSM Innovation Community Event

c. Program Khidmat Masyarakat (CSR) MARA Dalam Negara

- ▶ Antara program CSR sepanjang tahun 2012 ialah seperti yang berikut:
 - Program Jom ke Sekolah untuk suku Gahai di Hutan Belum, Perak
 - Hati Emas Institut Kemahiran MARA/Kolej Kemahiran Tinggi MARA
 - Bantuan persekolahan dan alat bantuan mengajar
 - *Outreach Programme* dan bantuan kemasukan ke IPMa
 - Engagement bersama pelajar
 - Karnival Pendidikan MARA - 8 buah lokasi di seluruh negara

d. Perkhidmatan Pelanggan

- ▶ Memastikan perkhidmatan yang berkualiti disediakan kepada pelanggan dengan misi amanah, mesra, cepat & tepat
- ▶ Pelaksanaan pengukuran kajian pelanggan melalui peti cadangan, borang maklum balas, hari bertemu pelanggan, pertemuan terus dengan pelanggan dan laman web MARA.
- ▶ Penambahbaikan proses Aduan Awam MARA secara atas talian (*on-line*) melalui Sistem e-aduan MARA <http://www.mara.gov.my/home>.
- ▶ Sebanyak 239 aduan telah diterima melalui pelbagai saluran iaitu sistem e-aduan, surat khabar, Biro Pengaduan Awam, emel, sms, telefon, surat serta laman web berjaya diselesaikan 100%.



Bantuan persekolahan sempena Program Mesra Rakyat YB. Menteri KKLW Bersama Komuniti Usahawan Jerantut




Karnival Pendidikan MARA 2012

e. Kolaborasi dan Pakatan Strategik

Antara kolaborasi dan Pakatan Strategik di sepanjang tahun 2012:

- Halal Fiesta 2012 (Halfest) bersama HDC & Shapers
- Seminar Tadbir Urus Korporat
- Program kerjasama bersama pemain industri
- Anugerah Wanita Ikon 2011/2012
- Kerjasama dengan institusi luar



Kolaborasi Strategik MARA - Utusan Karya

f. Engagement bersama pihak luar

- Mengatur pertemuan khas MARA bersama pihak luar bagi mengutarakan pandangan dan mendapat maklum balas dari badan-badan penting seperti Institusi Perbankan, Institusi Pendidikan Swasta dan Bloggers.
- Engagement bersama pihak dari luar negara bagi menyampaikan maklumat dan mempromosi peranan MARA dalam pembangunan Negara seperti Dr. Maya Soetoro-Ng dari East West Center USA, lawatan industri ke Jepun dan lawatan delegasi Presiden Republic of Guinea.



Engagement Dinner bersama Presiden Republic of Guinea



Professional Enhancement Program bersama Dr. Maya Soetoro-Ng

UNIT PENYELARAS (UPL)

Unit Penyelaras (UPL) bertanggungjawab menyelaras arahan-arahan Ketua Pengarah MARA, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Kanan serta memberi perkhidmatan pengurusan mesyuarat supaya organisasi mencapai matlamat melalui sistem penyampaian yang berkesan. UPL bertanggungjawab kepada perkara berikut:

- Menguruskan aspek perkhidmatan pengurusan mesyuarat dan penyelarasan dokumen serta maklumat dan menyebarkannya secara cepat, tepat, berkualiti berteraskan profesionalisme dan integriti serta berterusan ke arah melancarkan sistem penyampaian MARA selaras dengan keperluan dan kehendak pelanggan.

- ▶ Menyelaraskan arahan-arahan Ketua Pengarah MARA, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Kanan kepada semua Pegawai Mengawal Program dan Pegawai Mengawal Pusat serta cekap dan berhemah dalam memastikan arahan dipatuhi dalam tempoh yang ditetapkan ke arah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan.
- ▶ Menguruskan perkhidmatan kesetiausahaan yang berprestasi tinggi kepada mesyuarat-mesyuarat di bawah Jawatankuasa Pengurusan MARA berteraskan profesionalisme dan integriti selaras dengan keperluan organisasi dan perubahan persekitaran.
- ▶ Menyelaraskan kuasa dan tanggungjawab Ketua Pengarah MARA, Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah Kanan ke atas semua bahagian selaras dengan Seksyen 7 Akta MARA.
- ▶ Mengemaskini Terma Rujukan (TOR) semua Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Kanan dan Ahli Pengurusan MARA.
- ▶ Menyediakan bahan-bahan dan laporan kajian terkini daripada sumber-sumber yang berwibawa untuk rujukan dan kegunaan Pengurusan Tertinggi MARA.

Mesyuarat-mesyuarat di bawah Jawatankuasa Pengurusan MARA yang diadakan pada tahun 2012 adalah seperti berikut:

Bil.	Jawatankuasa	Bil. Mesyuarat
1.	TERAJU MARA	30
2.	Pengurusan MARA	17
3.	Runding Harga MARA	11
4.	Hapus Kira MARA	5
5.	Pelupusan Aset Alih MARA	4
6.	Peraturan MARA	6
7.	Piawaian dan Kos MARA	11
8.	Pengarah MARA Negeri	3
9.	Penyelarasan & Penemuan Audit MARA	4

UNIT URUS SETIA MAJLIS (UUM)

- ▶ Unit Urus Setia Majlis ditubuhkan bagi tujuan memberi khidmat pengurusan kepada Majlis dan tugas-tugas kesetiausahaan kepada Mesyuarat Majlis serta jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis.
- ▶ Sepanjang tahun 2012, Jawatankuasa-jawatankuasa yang dilantik di bawah Majlis MARA telah mengadakan mesyuarat seperti yang berikut.

Jawatankuasa di Bawah Majlis MARA	Bil. Mesyuarat
Lembaga Perolehan MARA 'A'	5
Lembaga Perolehan MARA 'B'	21
Perjawatan MARA	8
Audit MARA	7
Rayuan MARA	2
Panel Pelaburan MARA	7



Jawatankuasa di Bawah Majlis MARA	Bil. Mesyuarat
Kenaikan Pangkat Tinggi MARA	3
Kenaikan Pangkat Kumpulan Sokongan MARA	3
Tatatertib dan Rayuan Tatatertib MARA	22
Majlis Sektor Keusahawanan MARA	5
Majlis Sektor Pendidikan MARA	10
Majlis Sektor Khidmat Pengurusan MARA	6
JUMLAH	99

- Unit Urus Setia Majlis (UUM) juga bertanggungjawab dalam menjalankan tugas-tugas kesetiausahaan berkaitan penyempurnaan Dokumen Kanun Tanah Negara, Surat Perjanjian, Memorandum Persefahaman (MOA/MOU) serta Surat Wakil Kuasa.
- UUM telah berjaya menyempurnakan sebanyak 432 Dokumen Kanun Tanah Negara seperti Surat Cara Pindah Milik Tanah, Pajakan Gadaian dan Melepaskan Gadaian. Di samping itu, UUM juga telah berjaya menyempurnakan sebanyak 37 Dokumen Perjanjian, MOA/MOU serta 23 Dokumen Perwakilan Kuasa kepada Pegawai-Pegawai MARA.

UNIT PENYELIDIKAN DAN INOVASI (UNI)

► Pengenalan

Melalui Unit Penyelidikan dan Inovasi (UNI), MARA dapat membangunkan dan menetengahkan idea-idea baharu dan progresif. Justeru, perkembangan ini membolehkan MARA menerajui dan menyelaraskan bidang penyelidikan dan inovasi.

Di samping itu, penubuhan UNI adalah untuk menetengahkan idea-idea baharu dan progresif oleh warga kerja MARA. Seterusnya, mereka kekal berkhidmat dan maju seiring dengan dasar MARA.

► Strategi Utama

Bagi melestarikan ekosistem yang inovatif dalam organisasi MARA empat strategi utama iaitu mempertingkatkan keupayaan penyelidikan, melonjakkan pembudayaan inovasi, memantapkan pengurusan hasil inovasi dan menyebar luas idea serta produk inovasi dimantapkan.

AKTIVITI UNI

i. Penerbitan Jurnal Pendidikan dan Latihan, dan *MARA Innovation Journal*

Dengan terbitnya kedua-dua jurnal ini, hasil penyelidikan serta inovasi warga MARA dapat diketengahkan dan boleh diguna pakai atau dikomersialkan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan.

ii. *Intellectual Property and Commercialisation Policy*

Majlis MARA pada 18 Oktober 2012 telah meluluskan polisi ini bagi melindungi hasil intelek warga kerjanya. Polisi ini bertujuan untuk menggalakkan warga MARA menghasilkan hasil inovatif melalui *system reward* bagi produk yang dipaten dan *profit sharing* bagi produk yang dikomersialkan. Sebagai permulaan, UNI telah mendaftar sebanyak 10 logo MARA dan Institusi Pendidikan MARA di bawah Akta Cap Dagangan bagi mengelakkan disalah guna oleh pihak-pihak tertentu.





iii. **Hub penyebaran dan perkongsian maklumat penyelidikan serta inovasi**

Semua maklumat berkaitan penyelidikan dan inovasi MARA yang diperoleh daripada bahagian, IPMa, subsidiari dan agensi luar telah disebarikan melalui media sosial dan website UNI.

iv. **Skim Geran Penyelidikan Inovasi MARA (SGPIM)**

Skim ini telah diperkenalkan pada tahun 2012 dengan peruntukan sebanyak RM1 juta dan permohonan telah dibuka kepada warga MARA untuk membiayai aktiviti penyelidikan dan inovasi dalam pelbagai bidang.

v. **Pembudayaan inovasi dalam kalangan warga MARA**

a. **Anugerah Inovasi MARA 2012**

Anugerah Inovasi MARA telah diperkenalkan pada tahun 2011 bagi menggantikan Anugerah Kualiti MARA. Anugerah ini diwujudkan oleh MARA bagi mengiktiraf pemikiran kreatif dan inovatif warga kerja MARA ke arah transformasi organisasi.

b. **Program Pembudayaan Inovasi**

Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran mengenai inovasi yang berlaku dalam organisasi melalui program-program berikut:

- i. Program *Creative Talk*.
- ii. Pertandingan dan pameran inovasi.
- iii. Penyertaan MARA dalam pertandingan dan pameran inovasi.

UNIT INTEGRITI

Selari dengan Agenda Integriti Kerajaan, MARA telah mengambil inisiatif secara serius dengan menubuhkan Unit Integriti MARA berkuat kuasa pada 1 Oktober 2012. Penubuhan Unit Integriti merupakan satu refleksi terhadap sokongan padu MARA dalam usaha Kerajaan untuk memerangi rasuah secara menyeluruh dan berkesan serta mengukuhkan tahap integriti warga kerja MARA dan semua yang terlibat dengannya.

Melalui Memorandum Persefahaman (MoU) pada 10 April 2012 antara MARA dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kedua-dua pihak telah bekerjasama menempatkan seorang pegawai SPRM di MARA berkuat kuasa pada 1 Oktober 2012 bagi mengetuai Unit Integriti.

Menyedari kepentingan pengukuhan integriti dalam semua aspek urusan, MoU antara MARA dan Institut Integriti Malaysia (IIM) telah ditandatangani pada 29 Januari 2013 bertujuan mengikat kerjasama lebih erat yang mana telah pun sedia terjalin sekian lama melalui pelbagai program integriti antara kedua-dua belah pihak. Unit Integriti menerbitkan buku Pelan Integriti MARA (PIM) dan Kod Etika MARA (KEM) sebagai sumber rujukan kepada semua warga kerja MARA dalam memacu pelaksanaan strategik bagi merealisasikan matlamat dan objektif integriti MARA.



OBJEKTIF UNIT INTEGRITI

- Membentuk organisasi yang berintegriti tinggi, beretika dan mulia;
- Membentuk integriti di setiap peringkat di dalam organisasi;
- Mengukuhkan penghayatan integriti melalui penyaluran maklumat, pelaksanaan strategik dan perkongsian pengalaman secara konstruktif;
- Menjadikan integriti sebagai asas teras dalam pelaksanaan aktiviti organisasi; dan
- Memastikan penajajaran integriti melalui tindakan punitif, preventif dan afirmatif.





Peristiwa Korporat

Januari 2012



Kunjungan Hormat YBhg. Datuk Ibrahim bin Ahmad, Ketua Pengarah MARA ke Jabatan Peguam Negara.

Bertempat di Pejabat Tun Majid bin Tun Hamzah, Persiaran Perdana, Putrajaya pada 6 Januari 2012.



Program Mesra Rakyat YB. Dato' Seri Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal, Menteri Kemajuan Luar Bandar & Wilayah Bersama Masyarakat Daerah Jerantut, Pahang.

Bertempat di Dewan Majlis Daerah Jerantut, Pahang pada 21 Januari 2012.



Engagement Pengurusan MARA Bersama Media Baru.

Disempurnakan oleh YBhg. Datuk Ibrahim bin Ahmad, Ketua Pengarah MARA. Bertempat di Anjung Korporat, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur pada 31 Januari 2012.

Februari 2012



Majlis Penyerahan Bangunan Menara MARA

Bertempat di Dewan Utama Menara MARA, Kuala Lumpur pada 9 Februari 2012. Disempurnakan oleh YB. Dato' Seri Idris bin Jusoh, Pengerusi MARA



Program Seminar Wakaf bersama DYT Raja Muda Perak.

Bertempat di Bilik Forum, Tingkat 1 Sasana Kijang, Bank Negara pada 14 Februari 2012.



Program Seminar Transformasi Usahawan MARA.

Disempurnakan oleh YB. Dato' Seri Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal, Menteri Kemajuan Luar Bandar & Wilayah. Bertempat di RTC Gopeng, Perak pada 12 Februari 2012

Mac 2012



MOU antara MARA dan Brunel University, United Kingdom

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara MARA dan Brunel University, United Kingdom pada 15 Mac 2012.



Program Tanam Pokok Kerjasama Antara KKTm Beranang, OIMC & YPM sempena Sambutan Hari MARA 2012.

Dirasmikan oleh YBhg. Datuk Ibrahim Ahmad, Ketua Pengarah MARA bertempat di KKTm Beranang pada 15 Mac 2012.



Program Mesra Rakyat YB. Dato' Seri Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal, Menteri Kemajuan Luar Bandar & Wilayah bersama Komuniti Usahawan Bumiputera Negeri Sembilan

Bertempat di Arked MARA Port Dickson, Negeri Sembilan pada 20 Mac 2012

April 2012



Kunjungan Hormat Delegasi CIDB ke atas YBhg. Datuk Ibrahim bin Ahmad, Ketua Pengarah MARA.

Bertempat di Bilik Menunggu Tingkat 24, Ibu Pejabat MARA pada 4 April 2012.



Intellectual Discourse: WHITE WAVE STRATEGY oleh YB Dato' Seri Idris Jusoh, Pengerusi MARA merangkap Pro Canselor UNIKL.

Bertempat di Banquet Hall, Tingkat 29, UNIKL pada 17 April 2012.



Bicara Tokoh "Pelan Transformasi Negara Melonjak Ekonomi Malaysia" oleh YB. Dato' Mukhriz bin Mahathir, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Bertempat di Dewan Utama Menara MARA pada 18 April 2012.

Mei 2012



Lawatan Kerja Pengurusan MARA ke ISKANDAR Regional Development Authority (IRDA).

Bertempat di ISKANDAR Regional Development Authority (IRDA), Johor pada 21 Mei 2012.



Business Talk sempena Soft Launching of 11th International Entrepreneurship Forum.

Penceramah: Professor Jay Mitra, University of Essex (UK). Bertempat di Dewan Utama Menara MARA, Kuala Lumpur pada 23 Mei 2012.



Soft Launch 'Asia -Pacific Aesthetics, SPA & Wellness Business Conference & Exhibition 2012'.

Dirasmikan oleh Cik Czarina Alia binti Abd Razak, Ahli Majlis MARA bertempat di Ruang Legar Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur pada 25 Mei 2012.

Jun 2012



Kunjungan Hormat YBhg. Ketua Pengarah MARA ke atas YAB Perdana Menteri.

Bertempat di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya pada 7 Jun 2012



Sambutan Hari Pendidik MARA 2012 Disempurnakan oleh YB. Dato' Seri Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Bertempat di Dewan Utama Menara MARA, Kuala Lumpur pada 19 Jun 2012.



Lawatan Kerja Pengurusan MARA ke SIRIM.

Bertempat di SIRIM Berhad, No. 1, Persiaran Dato' Menteri Section 2, Shah Alam Selangor pada 26 Jun 2012.

Julai 2012



MARA-OISCA International Business Forum 2012

Dirasmikan oleh YB. Dato' Hassan bin Malek, Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Bertempat di Dewan Utama, Menara MARA, Kuala Lumpur pada 7 Julai 2012



Kunjungan Hormat YAM. Tengku Muda Pahang Tengku Abdul Rahman Al-Haj Ibni Sultan Hj Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ke atas YBhg. Datuk Ibrahim bin Ahmad, Ketua Pengarah MARA.

Bertempat di Pejabat Ketua Pengarah MARA, Tingkat 26 Ibu Pejabat MARA pada 16 Julai 2012.



Majlis Perasmian Konvensyen Transformasi Dan Pemantapan Teknousahawan KKTMM/IKM 2012.

Dirasmikan oleh YBhg. Datuk Mohd Rosdi bin Hj. Ismail, Timbalan Ketua Pengarah (Keusahawanan) MARA. Bertempat di Hotel Heritage, Ipoh, Perak pada 18 Julai 2012.

Ogos 2012



Ihya' Ramadhan & Kemerdekaan kali Ke-55

Bertempat di Tingkat 24, Anjung Korporat MARA pada 1 Ogos 2012.



Managing Intellectual Property 2012.

Dirasmikan oleh YBhg. Datuk Ibrahim bin Ahmad, Ketua Pengarah MARA. Bertempat di Dewan Sumber Ilmu, Tingkat 4, Ibu Pejabat MARA pada 7 Ogos 2012.



Debriefing & Iftar MARA-Project Trust UK

Dirasmikan oleh YBhg. Datuk Ibrahim bin Ahmad, Ketua Pengarah MARA pada 14 Ogos 2012.

September 2012



11th International Entrepreneur Forum.

Dirasmikan oleh YB. Dato' Seri Haji Mohd Shafie Haji Apdal, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bertempat di PWTC, Kuala Lumpur pada 4 September 2012.



Program Mesra Rakyat & Perasmian Bazar MARA Pelangai, Kuala Pilah.

Disempurnakan oleh YB. Dato' Hasan Bin Malek, Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar & Wilayah bertempat di pekarangan Bazar MARA Pelangai pada 13 September 2012.



Majlis Perasmian Halal Park dan KIMFest Tambun, Perak

Disempurnakan oleh YB. Dato' Seri Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, Menteri Kewangan II merangkap Ahli Parlimen Tambun pada 29 September 2012.

Oktober 2012

**Bengkel MARA Micro Sourcing.**

Bertempat di Shangri-la Hotel, Putrajaya pada 4 Oktober 2012.

**Majlis Perasmian Halfest 2012.**

Disempurnakan oleh YB. Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 10 Oktober 2012.

**Kunjungan Hormat Ketua Pengarah MARA Ke Pejabat Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar.**

Bertempat di Wisma Sumber Asli Persiaran Perdana, Putrajaya pada 19 Oktober 2012.

November 2012

**Kunjung Hormat Wakil Universiti Al-Farabi Arab Saudi Ke atas Ketua Pengarah MARA.**

Bertempat di Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur pada 1 November 2012.

**Majlis Makan Malam Ketua Pengarah MARA Bersama CEO Bank.**

Bertempat di Tingkat 24, Anjung Korporat, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur pada 19 November 2012

**Lawatan Pengerusi Bersama Ahli Pengurusan MARA ke Zetco Centre of Excellence.**

Bertempat di Zetco Of Excellence, Jalan Lapangan Terbang Subang, Selangor pada 21 November 2012.

Disember 2012

**Kunjungan Hormat dari Mr Dan Fredrick, Manager Sponsored Student Program University of Alberta International ke Pejabat Ketua Pengarah MARA.**

Bertempat di Bilik Mesyuarat Majlis, Tingkat 26, Medan MARA Kuala Lumpur pada 14 Disember 2012.

**Kunjungan Hormat En. Ciaran Cannon, Menteri Latihan dan Kemahiran, Ireland ke atas Ketua Pengarah MARA.**

Bertempat di Anjung Korporat, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur pada 14 Disember 2012.

**Majlis Apresiasi Kontinjen MARA sempena Asean Skills 2012.**

Dirasmikan oleh YBhg. Dato' Abd Rahim bin Abd Ghani, Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan) MARA. Bertempat di Dewan Multaqam, Maju Junction, Kuala Lumpur pada 21 Disember 2012.



Penyata Kewangan



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS AMANAH RAKYAT
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**

Penyata Kewangan Majlis Amanah Rakyat dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Amanah Rakyat dan Kumpulan pada 31 Disember 2012, hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa Penyata Kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Majlis Amanah Rakyat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai Penyata Kewangan semua syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan Penyata Kewangan yang disatukan.

(TAN SRI DATO' SETIA HJ. AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
15 OGOS 2013



**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE
ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS AMANAH RAKYAT**

Saya, Datuk Ibrahim bin Ahmad, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Amanah Rakyat, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Pendapatan, Lembaran Imbangan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.


Sebenarnya dan sesungguhnya diakui)
oleh penama di atas di Kuala Lumpur)
pada 19 haribulan April, 2013)



(570625 – 01 – 5945)



Di hadapan saya,


PESURUHJAYA SUMPAH

Lot 3.158 Tingkat 2 Medan MARA
Ibu Pejabat MARA,
Jalan Raja Laut,
50609 Kuala Lumpur, Malaysia.
Mobile: 019-9109779



**PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Majlis
(AKAUN INDUK)**

Kami, Tan Sri Datuk Seri Panglima Hj. Annuar Bin Hj. Musa dan Datuk Ibrahim Bin Ahmad, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Majlis Amanah Rakyat dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Majlis, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Pendapatan, Lembaran Imbangan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Amanah Rakyat pada 31 Disember 2012 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,

Nama : Tan Sri Datuk Seri
Panglima Hj. Annuar Bin
Hj. Musa

Gelaran : Pengerusi

Tarikh : 1 AUG 2013

Tempat : Kuala Lumpur

Bagi pihak Majlis,

Nama : Datuk Ibrahim Bin Ahmad

Gelaran : Ahli Majlis

Tarikh : 1 AUG 2013

Tempat : Kuala Lumpur



**PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI MAJLIS
(AKAUN KUMPULAN)**

Kami, Tan Sri Datuk Seri Panglima Hj. Annuar Bin Hj. Musa dan Datuk Ibrahim Bin Ahmad, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Majlis Amanah Rakyat dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Majlis, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Pendapatan, Lembaran Imbangan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Amanah Rakyat dan Kumpulan pada 31 Disember 2012 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,




Nama : Tan Sri Datuk Seri
Panglima Hj. Annuar Bin
Hj. Musa

Gelaran : Pengerusi

Tarikh : 21 AUG 2013

Tempat : Kuala Lumpur

Bagi pihak Majlis,



Nama : Datuk Ibrahim Bin Ahmad

Gelaran : Ahli Majlis

Tarikh : 21 AUG 2013

Tempat : Kuala Lumpur

**MAJLIS AMANAH RAKYAT**

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2012

	Nota	KUMPULAN		MARA	
		2012 RM	2011 RM	2012 RM	2011 RM
Pendapatan kendalian	4	917,649,745	631,172,208	227,405,567	187,571,533
Geran Pembangunan dilunaskan	5(e),(i)	494,341,066	329,781,253	421,788,565	294,596,493
Lain-lain pendapatan kendalian	6	67,218,594	63,208,854	38,286,046	27,391,787
Barangan siap dibeli		(288,814,002)	(96,369,733)	-	-
Perbelanjaan kakitangan	6	(1,013,558,065)	(856,021,995)	(633,024,257)	(549,615,532)
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	30	(216,539,217)	(201,427,734)	(193,290,575)	(177,454,911)
Penjejasan nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan	30	-	(113,500)	-	-
Pelunasan ke atas premium Sijil Jaminan Kerajaan		(177,003)	(172,878)	-	-
Lain-lain perbelanjaan kendalian	6	(1,320,890,226)	(1,018,459,100)	(1,239,260,668)	(881,814,775)
Kerugian daripada kendalian		(1,360,769,108)	(1,148,402,625)	(1,378,095,322)	(1,099,325,405)
Kos pembiayaan	7	(400,611)	(179,512)	-	-
Pendapatan daripada lain-lain pelaburan	8	21,254,756	17,483,434	-	-
Bahagian keuntungan daripada syarikat bersekutu		36,246,402	16,977,887	-	-
Lebihan perbelanjaan daripada pendapatan sebelum Geran Kerajaan Malaysia - Belanja Operasi		(1,303,668,561)	(1,114,120,816)	(1,378,095,322)	(1,099,325,405)
Geran Kerajaan Malaysia - Belanja Operasi	5(d)(iii)	1,434,418,097	1,226,505,068	1,390,999,783	1,165,140,000
Lebihan pendapatan daripada perbelanjaan sebelum cukai dan zakat		130,749,536	112,384,252	12,904,461	65,814,595
Belanja cukai pendapatan	9	(9,095,604)	(8,816,639)	-	-
Zakat		(229,512)	(428,809)	-	-
Lebihan pendapatan daripada perbelanjaan selepas cukai dan zakat		121,424,420	103,138,804	12,904,461	65,814,595
Kepentingan minoriti		(813,662)	(1,031,937)	-	-
Lebihan pendapatan daripada perbelanjaan untuk tahun kewangan semasa		120,610,758	102,106,867	12,904,461	65,814,595

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.



MAJLIS AMANAH RAKYAT

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

LEMBARAN IMBANGAN**PADA 31 DISEMBER, 2012**

	Nota	KUMPULAN		MARA	
		2012 RM	2011 RM	2012 RM	2011 RM
ASET SEMASA					
Wang tunai dan dana jangka pendek	10	438,811,672	536,815,639	205,251,052	373,414,101
Depositi di bank berlesen	11	2,930,022,951	2,804,134,113	2,730,883,400	2,575,225,977
Depositi di institusi kewangan	12	78,389,073	68,285,595	-	-
